

• MUSTAZAH BAHARI •
• MUHAMMAD HANIFF HASSAN •

100 SOAL JAWAB AGAMA

ISU-ISU
KONTEMPORARI
& PENDEKATAN
WASATIIY



• MUSTAZAH BAHARI •
• MUHAMMAD HANIFF HASSAN •

100 Soal Jawab Agama Isu-isu Kontemporari

PN

KAEDAH WASATIIY MENJAWAB KEMUSYKILAN AGAMA: SATU PERSPEKTIF

OLEH
MUHAMMAD HANIFF HASSAN

Kemusykilan Agama dan Peranan Asatizah

Salah satu peranan yang perlu dimainkan oleh mereka yang bergelar ustaz/ustazah ialah menjawab kemusykilan-kemusykilan daripada orang ramai.

Persoalan yang ditanya bukan hanya isu-isu berkaitan agama seperti hukum hakam dan konsep-konsep akidah dan akhlak, tetapi juga nasihat-nasihat berkaitan masalah kehidupan seperti masalah hubungan suami isteri, kenakalan remaja dan perniagaan.

Kadangkala, sesuatu yang ditanya itu tidak kena mengena langsung dengan bidang yang dipelajari oleh golongan asatizah seperti soalan bagaimana melakukan hubungan seksual yang baik dan bagaimana merawat penyakit tertentu. Ia memang memenatkan, bahkan menjengkelkan, terutama apabila soalan yang ditanya bersifat terlalu remeh atau nakal.

Nabi s.a.w. sendiri tidak dapat mengelak daripadanya. Tapi, beliau juga tidak melarikan diri daripadanya. Dalam Al-Quran dan hadis, kita pasti akan berjumpa kisah Nabi s.a.w. ditanya mengenai pelbagai persoalan hidup dan beliau berusaha sebaik mungkin untuk menjawab soalan-soalan itu. Jika tidak mampu, beliau akan minta bantuan daripada Allah ta'ala atau menunggu Allah ta'ala menurunkan wahyu mengenai masalah itu.

Dari sudut agama, ia memang tugas yang perlu dilaksanakan oleh asatizah. Sebagai penyambung lisan Nabi s.a.w. dalam menyampaikan ilmu agama kepada masyarakat dan membimbing mereka untuk mengamalkan cara hidup yang diredhai Tuhan, menjawab pertanyaan manusia mengenai perkara-perkara agama dan masalah hidup dari

sudut agama adalah natijah semula jadi daripada tugas itu, sebab itulah Nabi s.a.w. pun tidak terlepas daripadanya.¹

Dari sudut ini, mengelak dan melarikan diri daripada menjawab soalan adalah sesuatu yang boleh dinilai sebagai perbuatan tercela kerana ia boleh jatuh dalam larangan tidak mahu menyampaikan ilmu, gagal melakukan tugas mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemunkaran dan melarikan diri dari tugas dakwah. Ia mungkin juga manifestasi sifat-sifat keji yang tersirat di hati seperti angkuh, sombong dan bangga diri hingga merasa tidak patut melakukan tugas itu atau melayan orang yang sedemikian.

Sebagai peringatan, Allah ta'ala pernah menegur Nabi Yunus a.s. yang meninggalkan tugas dakwah kepada kaumnya² dan Nabi Muhammad s.a.w. yang berpaling daripada Abdullah bin Um Maktum yang buta kerana melayan tokoh-tokoh Quraisy yang belum memeluk Islam.³

Jika dilihat melalui lensa yang positif, kemusykilan-kemusykilan agama adalah manifestasi kepercayaan dan penghormatan masyarakat terhadap asatizah dalam menangani masalah-masalah hidup mereka yang kadangkala bersifat peribadi. Dalam hal ini, melayan kemusykilan-kemusykilan daripada masyarakat adalah harga yang perlu dibayar oleh asatizah bagi penghormatan yang diberi kepada mereka.

Bagi adik-adik dan anak-anak yang masih di madrasah dan bercita-cita menjadi asatizah di hari muka, perlulah terima hakikat ini dari sekarang. Ya, ia bukan satu-satunya tugas asatizah tetapi ia adalah salah satu daripada tugasannya. Jangan biarkan tugas ini menyibukkan diri daripada tugas-tugas lain yang penting, tapi jangan pula mengelak atau melarikan diri. Sebaliknya, galilah ilmu dan timbalah pengalaman daripada asatizah yang sedia ada bagi memampukan diri menunaikan tugas ini dengan baik. Moga-moga ia menjadi termasuk dalam apa yang disebut dalam hadis yang bermaksud, “Apabila mati anak Adam, terputus darinya [pahala] segala amalan kecuali dari tiga sumber; 1) sedekah jariyah, 2) ilmu yang dimanfaatkan, dan 3) anak soleh yang mendoakannya.” (Riwayat Muslim).

1 Sebagai contoh, lihat surah Al-A'araf, ayat ke 187, surah Al-Anfal, ayat ke 1, surah Al-Baqarah, ayat ke 189 dan 215.

2 Lihat tafsir surah As-Saffat, ayat ke 139-144 berkaitan teguran Allah ta'ala kepada Nabi Yunus a.s. yang meninggalkan kaumnya.

3 Lihat tafsir surah 'Abasa, ayat ke 1-11. Lihat juga tafsir surah As-Shu'ara', ayat ke 114 dan 215, surah Hud, ayat ke 11, Al-Ma'idah, ayat ke 52 dan surah Al-Kahf, ayat ke 28 yang mengandungi pesanan yang seiras.

Walaupun menjawab kemusykilan agama suatu yang lumrah dalam kehidupan asatizah, ia tidak seharusnya diambil mudah dan remeh kerana ia melibatkan hukum dan fahaman agama. Menyampaikan hukum dan fahaman agama adalah amanah besar yang akan dipertanggungjawabkan oleh Allah ta'ala.⁴ Selain itu, ia juga melibatkan maslahat pihak yang bertanya. Dalam sesetengah keadaan ia membabitkan maslahat yang serius dan mempunyai implikasi besar dalam kehidupan si penanya seperti soal kesahihan nikah atau talak antara dua pasangan atau halal atau tidak sesuatu makanan yang telah meluas edarannya.

Selain pertanggungjawapan di sisi Allah, kesilapan dalam menjawab sesuatu kemusykilan boleh menatijahkan seorang berhadapan dengan tuntutan saman sivil oleh pihak yang merasa dirugikan, dicela oleh orang ramai atau menimbulkan keresahan sosial.

Bertolak dari situ dan menjadi salah satu tujuan buku ini juga, saya berusaha menulis artikel ini untuk berkongsi ilmu dan pengalaman dalam menangani kemusykilan agama daripada masyarakat kepada asatizah muda, di samping juga menyampaikan ilmu kepada pembaca tentang isu-isu yang ditanyakan.

Artikel ini pula secara khusus ingin berkongsi perspektif penulis dan pendekatan penulis apabila menjawab kemusykilan agama daripada masyarakat. Tujuan perkongsian ini tidak lain tidak bukan hanyalah untuk berkongsi sedikit ilmu yang ditimba dan pengalaman sepanjang perjalanan hidup penulis yang masih singkat ini sebagai ustaz, bukan kerana rasa hebat pada diri hingga mahu menunjuk ajar asatizah lain. Moga Allah ta'ala memelihara kita daripada sifat dan perasaan sedemikian dan daripada prasangka sesama kita.

Kemusykilan Agama Dalam Tradisi Ilmu Islam

Dalam tradisi ilmu Islam, persoalan menangani kemusykilan agama jatuh dalam skop *istifta'* (permintaan fatwa) dan fatwa. Ertinya jawapan bagi kemusykilan agama yang diberi oleh asatizah pada hakikatnya adalah satu fatwa dalam definisi tradisi ilmu Islam.

Cuma penggunaan istilah *istifta'* dan fatwa bagi kemusykilan agama dan jawapannya daripada asatizah biasa bukanlah sesuatu yang digemari dan bukan pula satu norma masa kini.

Hal ini mempunyai kaitan rapat dengan soal penginstitutionan fatwa dan jawatan mufti di zaman moden hari ini.

4 Al-Ma'idah, ayat ke 67.

Hari ini, 'mufti' bukan lagi satu istilah yang diguna pakai bagi sesiapa sahaja yang memberi hukum agama bagi masalah yang berlaku atau persoalan yang ditanya. Ia adalah jawatan rasmi bagi penguasa tinggi agama di hampir semua negara-negara Islam. Statusnya yang tinggi dan terhormat menjadikan istilah 'mufti' hari ini menjadi eksklusif. Di sesetengah negara pula, ia diatur oleh perundangan tertentu.

Natijah daripada penginstitutionan mufti sebagai satu jawatan yang formal, fatwa juga menjadi satu istilah yang eksklusif dan formal. Bahkan ia diatur oleh perundangan tertentu dari segi proses dan prosedur mengeluarkannya.

Maka bagi menghormati jawatan ini, mengelakkan kekeliruan dan juga melanggar undang-undang, persoalan yang ditujukan kepada asatizah biasa, bukan kepada mufti rasmi, tidak lagi dinamakan *istifta'*, jawapannya tidak diistilahkan sebagai fatwa dan ustaz yang menjawab pula tidak digelar sebagai pak mufti. Sebaliknya istilah-istilah alternatif diguna pakai seperti kemusykilan agama bagi *istifta'*, *irsyad/bayan/* jawapan bagi hukum yang diberi dan gelar ustaz/kiyai/tuan guru/sheikh bagi yang menjawab soalan itu.

Namun dalam konteks tradisi ilmu Islam, persoalan menangani kemusykilan agama hari ini tetap jatuh dalam bab *istifta'* dan fatwa dan ini membangkitkan dua perkara penting.

Pertama, hakikat ini mengukuhkan lagi perkara yang dinyatakan di atas tentang kaitan rapat soal menangani kemusykilan agama dan tugas asatizah sebagaimana peranan ulama dahulu dalam memberi fatwa mengenai isu-isu yang berbangkit di zaman mereka dan masalah-masalah yang ditanyakan kepada mereka.

Ertinya, menjawab kemusykilan agama adalah penerusan bagi peranan yang telah dimainkan para ulama sepanjang zaman. Yang membezakan hanyalah darjah kesukaran dan isi masalah. Jika dilihat pada karya-karya ulama dahulu, kita akan dapati ia banyak dipenuhi dengan pelbagai masalah-masalah kehidupan. Ada yang rumit dan banyak juga yang biasa-biasa. Sebahagian besarnya diperolehi daripada masalah-masalah yang ditanyakan kepada mereka, lalu dirakam dalam kitab agar dapat dimanfaatkan lebih ramai dan untuk generasi seterusnya, bukan bagi si penanya masalah sahaja.

Kedua, segala karya para ulama berkaitan fatwa dan *istifta'* sejak dari dahulu hingga sekarang merupakan khazanah yang bermanfaat bagi rujukan asatizah. Sebahagian karya ini dalam bentuk kitab-kitab khusus berkaitan fatwa dan mufti yang berjumlah ratusan banyaknya. Sebahagian yang lain pula dapat ditemui dalam kitab-kitab berkaitan *Usul Al-Fiqh*.

Semua ini adalah sumber berguna mengenai kaedah, prinsip dan panduan bagi asatizah memainkan peranan yang berkesan dan betul apabila berhadapan dengan kemusyikilan-kemusyikilan daripada masyarakat yang harus dimanfaatkan.

Bagi membantu asatizah, di bawah ini beberapa buku yang dapat saya cadangkan sebagai panduan menangani kemusyikilan agama:

- An-Nawawi (1998). *Adab al-Fatwa Wa al-Mufti Wa al-Mustafti*. Damsyiq: Muassasah Al-Isra'.⁵
Buku ini memberi perspektif ulama era klasik dalam persoalan fatwa.
- Yusuf Al-Qardhawi (1988). *al-Fatwa Bayn al-Indibat Wa al-Tasayyub*. Cairo: Dar al-Sahwah.⁶
Buku ini memberi perspektif kontemporari dalam pembuatan fatwa.
- Qutb Mustafa Sanu (2013). *Sina'at al-Fatwa al-Mu'asirah*. Saudi Arabia: Tiada nama penerbit.⁷
Buku ini memberi perspektif kontemporari dalam pembuatan fatwa.
- Yusuf Al-Qardhawi (2001). *Fi Fiqh al-Aqalliyat: Hayat al-Muslimin Wast al-Mujtama'at al-Ukhra*. Cairo: Dar al-Shuruq.⁸
Buku ini pula memberi garis panduan pembuatan hukum dan fatwa bagi minoriti Muslim beserta dengan beberapa contoh masalah masa kini.
- Abdullah bin Bayyah (2007). *Sina'at al-Fatwa Wa Fiqh al-Aqalliyat*. Jeddah: Dar al-Minhaj.⁹

5 Untuk muat turun dari internet, sila ke https://archive.org/details/167_nawawi_adab.alfatwa.w.almufti.w.almustafti.

6 Untukmuatturundariinternet,silake<http://www.feqhup.com/uploads/1381597779255.pdf> . Buku ini telah diterjemah ke bahasa Melayu dengan tajuk *Fatwa Antara Ketelitian dan Kecerobohan*.

7 Untuk muat turun dari internet, sila ke https://archive.org/details/sinaat_alfatwa

8 Untuk muat turun dari internet, sila ke <http://iefpedia.com/arab/wp-content/uploads/2010/09/1%D9%81%D9%8A-%D9%81%D9%82%D9%87-%D8%A7%D9%84%D8%A3%D9%82%D9%84%D9%8A%D8%A7%D8%AA-%D8%A7%D9%84%D9%85%D8%B3%D9%84%D9%85%D8%A9-%D9%81%D8%B6%D9%8A%D9%84%D8%A9-%D8%A7%D9%84%D8%B4%D9%8A%D8%AE-%D8%A3%D8%AF%D9%8A%D9%88%D8%B3%D9%81-%D8%A7%D9%84%D9%82%D8%B1%D8%B6%D8%A7%D9%88%D9%8A.pdf> . Buku ini telah diterjemahkan ke bahasa Melayu dengan tajuk *Fiqh Minoriti Muslim Dari Perspektif Dua Ulama Kontemporari*.

9 Untuk muat turun dari internet, sila ke <http://www.4shared.com/office/5cFhVZJ7/> .
[html](#)

Buku ini juga membicarakan isu pembuatan fatwa dalam konteks minoriti Muslim berserta beberapa contoh masalah semasa.

Walaupun telah banyak karya yang ditulis berkaitan fatwa oleh para ulama dahulu dan kini yang masih relevan untuk dijadikan panduan, tidaklah bermakna kita harus bersikap berpada dengan kesemua itu tanpa perlu menghasilkan karya baru atau memperkayakan apa yang ada.

Paling kurang ada satu sebab mengapa perlu ada karya khusus, baik yang bersifat ringkas atau komprehensif, bagi menangani kemusykilan agama bagi asatizah di Singapura, iaitu keperluan pada memahami konteks khusus Singapura dalam memberi huraian pada masalah agama yang dihadapi atau ditanyakan kepada asatizah.

Tidak syak terdapat aspek-aspek unik Singapura yang perlu diambil kira dalam membuat rumusan hukum. Antara aspek-aspek ini ialah:

- Masyarakat Muslim Singapura adalah kelompok minoriti yang mana hukum-hukum Islam yang dirumuskan berdasarkan konteks masyarakat Muslim majoriti, baik dahulu atau sekarang, tidak boleh diterapkan begitu sahaja di sini.
- AMLA sebagai undang-undang yang mengatur sebahagian urusan keagamaan masyarakat Muslim seperti soal hukum kekeluargaan, zakat, faraid dan pemakanan halal tidak boleh diketepikan begitu sahaja dan hukum-hukum dalam buku teks dalam perkara-perkara berkenaan tidak boleh diguna pakai begitu sahaja.
- Dominasi kaum Melayu sebagai penganut terbesar agama Islam di sini bermakna peranan adat Melayu dalam kehidupan beragama mempunyai pengaruh besar yang tidak dapat diketepikan begitu sahaja.
- Dominasi mazhab Syafi'i-Sunni sebagai mazhab ikutan masyarakat Melayu bermakna ia tidak boleh diketepikan begitu sahaja.
- Wujudnya undang-undang dan polisi-polisi pemerintah berkaitan keharmonian antara kaum yang perlu diambil kira apabila menyampaikan sesuatu isu agama.
- Sifat sekular Singapura yang membataskan amalan Islam perlu diambil kira dalam merumus huraian masalah yang ditanya.

Bukan tujuan di sini untuk menyenaraikan secara komprehensif segala aspek-aspek ini. Tujuan utama di sini hanya untuk memberi hujah akan wujudnya sifat-sifat unik Singapura yang perlu diambil kira dan tidak memadai hanya berpandu pada karya-karya yang sedia ada sahaja.

Walaupun beberapa sifat di atas mempunyai persamaan dengan masyarakat Melayu di Malaysia dan Brunei tetapi masyarakat Muslim Singapura tetap berbeza kerana ia adalah masyarakat minoriti. Dari segi amalan budaya dan kerencaman juga masyarakat Melayu Singapura berbeza dengan masyarakat Indonesia.

Terdapat juga perbezaan antara AMLA dan pelbagai perundangan Islam di Malaysia dari segi isi dan amalan. Di Malaysia, perundangan Islam lebih komprehensif daripada di Singapura. Keterbatasan industri kewangan dan pelaburan Islam di Singapura berbanding Malaysia juga menuntut penyesuaian pada hukum muamalat masa kini yang dihasilkan di sana seperti soal penggunaan insurans konvensional.

Setahu saya, setakat ini, belum ada satu karya khusus yang membicarakan aspek khusus dan unik berkaitan Singapura yang perlu diberi pertimbangan dalam membuat fatwa atau menjawab kemusykilan agama masyarakat dan kaedah-kaedah fatwa ala Singapura sekarang ini.

Dengan rendah diri, saya mengakui bahawa artikel dan buku ini tidak mampu melakukan perkara ini. Namun, kaedah fiqh mengajar bahawa apa yang dapat dilakukan, jangan ditinggalkan kerana sebab-sebab yang menyulitkan.¹⁰ Ertinya sedikit yang dapat dilakukan harus diusahakan juga. Maka atas semangat itu, dengan rendah hati, saya usahakan artikel ini dengan objektif yang lebih realistik, iaitu memberi beberapa tips menangani kemusykilan agama sesuai dengan realiti khusus Singapura dengan harapan juga ia menjadi pemangkin pada usaha yang lebih sempurna di masa akan datang oleh asatizah yang lain.

Adab dan Sikap

Adab merupakan topik penting dalam semua perbahasan para ulama zaman silam atau kontemporari dalam soal memberi fatwa. Oleh itu, ia semestinya menjadi topik utama juga bagi asatizah yang menangani kemusykilan agama semasa.

Ruang di sini tidak akan memadai untuk membahaskan semua adab-adab yang dihuraikan oleh para ulama.

Saya hanya akan menyentuh beberapa sahaja adab yang pada perspektif saya amat penting untuk ada dalam semua keadaan.

10 Kaedah berbunyi, “*Al-Maysur la yasqut bi al-ma’sur*”. Lihat As-Suyuti (1983), *al-Ashbah Wa al-Nazair*, tiada tempat: Dar al-Kutub al-‘Imiyah, kaedah no. 39, ms. 159.

1. Ikhlas

Dalam konteks perkara yang dibicarakan ini, ikhlas bermaksud para asatizah berniat pada ketika menangani kemusykilan agama mencari keredhaan Allah¹¹ ta'ala dengan melakukan perintah-Nya, iaitu:

- menyampaikan ilmu agama¹²
- menerangkan hukum agama kepada yang memerlukan¹³
- memberi nasihat kepada yang meminta¹⁴
- mengajak kepada kebaikan¹⁵
- mencegah kemunkaran.¹⁶

Pada waktu yang sama juga, sifat ikhlas memelihara hati daripada sifat riyak¹⁷ yang terbit daripada ilmu yang disampaikan atau mengharapkan ganjaran keduniaan semata-mata.¹⁸

Tanpa keikhlasan bantuan yang diberi tetap bermanfaat bagi yang bertanya, tapi ia mungkin tidak mendatangkan apa-apa pahala daripada Allah ta'ala.

Namun yang lebih relevan dalam konteks hari ini ialah kaitannya dengan mengambil upah apabila menangani kemusykilan agama. Secara jujurnya, saya mendapat bayaran daripada *Berita Harian* bagi setiap kemusykilan agama yang saya jawab dan diterbitkan. Saya yakin asatizah yang menjawab kemusykilan agama bagi majalah-majalah berunsur agama juga mendapat upah bagi jawapan yang diterbitkan. Adakala pula, asatizah diundang oleh masjid atau pertubuhan agama dalam acara khusus untuk mengendali sesi kemusykilan agama “live” dan menerima saguhati daripada usaha ini.

Persoalan mengambil upah dalam mengajar agama yang telah dibahasakan oleh para ulama dari dahulu lagi. Di sisi majoriti ulama kontemporari, ia adalah sesuatu yang dibenarkan.

11 Lihat surah Asy-Syu'ara', ayat ke 109, 127, 145, 164 dan 180, dan surah Hud, ayat ke 29.

12 Lihat surah Al-Ma'idah, ayat ke 67.

13 Lihat surah An-Nahl, ayat ke 44 dan 64.

14 Lihat surah Al-A'raf, ayat ke 62, 68, 79 dan 93.

15 Lihat Ali 'Imran, ayat ke 114.

16 Ibid.

17 Lihat surah An-Nisa', ayat ke 142 dan surah Al-Humazah, ayat ke 6.

18 Lihat surah Asy-Syura, ayat ke 20.

Saya pernah menulis satu artikel mengenai perkara ini yang bertajuk “Pengkomersialan Dakwah”. Pembaca yang berminat bolehlah merujuk ke pautan yang diberikan di nota kaki di bawah.¹⁹

2. Mengawal ego

Mengawal ego melibatkan dua perkara. Pertama ialah membangkitkan rasa tawaduk atau rendah diri dan yang kedua ialah memelihara hati daripada rasa bangga, sombong dan angkuh.

Natijahnya ialah tiada merasa bahawa diri sendiri lebih baik, soleh, mulia dan sebagainya daripada orang yang bertanya atau memandangi si penanya lebih rendah, jahil, hina dan sebagainya kerana tidak mengetahui perkara yang ditanya atau tidak tahu menyelesaikan masalah yang dihadapi. Perasaan ini biasa muncul apabila kemusykilan yang dikemukakan melibatkan perkara yang dianggap biasa dan remeh.

Islam menganggap perasaan sebegini sebagai sifat-sifat keji yang perlu dikikis daripada diri manusia.²⁰ Pastinya, asatizah adalah golongan yang lebih perlu menghakis sifat-sifat ini daripada diri. Selain itu, kewujudan sifat ini juga boleh mempengaruhi tingkah laku kita dalam melayan kemusykilan agama yang dihadapi seperti sikap tidak acuh, jawapan yang kurang daripada memuaskan, layanan yang kasar atau keras dan ia dapat dirasakan juga daripada penggunaan bahasa, jika jawapan diberi secara bertulis.

Sememangnya asatizah adalah golongan yang lebih tahu agama daripada orang awam. Namun, ia tidak memberi justifikasi kepada asatizah untuk merasa lebih baik atau tinggi kedudukan kerana apa jua kelebihan yang Allah ta‘ala beri kepada manusia bukanlah untuk kita merasa sedemikian apabila berinteraksi dengan orang lain tapi untuk saling membantu dan melengkapi yang lain.

Jika sesuatu kemusykilan itu diterima secara bertulis seperti melalui emel atau media sosial dan perasaan sebegini muncul dalam diri, sebaiknya kita tahan diri daripada menjawab kemusykilan berkenaan dan atasi dahulu perasaan itu supaya jawapan yang diberi tidak terpengaruh oleh perasaan itu dan supaya juga kita tidak kerugian pahala.

Soal tawaduk dan sombong bukanlah isu kontemporari. Ia sentiasa

19 Muhammad Haniff Hassan, *Pengkomersialan Dakwah*, lihat di <http://haniiff.sg/artikel-panjang/pengkomersialan-dakwah/> (8 Disember 2015).

20 Lihat surah Luqman, ayat ke 18 dan surah An-Nahl, ayat ke 23.

diperingatkan oleh ulama dahulu apabila memberi fatwa. Saya tetap memasukkan di sini kerana kedua-duanya adalah sesuatu yang mudah berlaku disebabkan kelemahan diri dan bisikan-bisikan syaitan.

3. Tidak diskriminatif

Tidak diskriminatif bermaksud tidak membeza-bezakan sesiapa dalam melayan kemusykilan agama baik dari segi jantina, status sosial dan lain-lain. Termasuk di sini ialah tidak bersikap mahu melayan hanya kemusykilan-kemusykilan soalan-soalan yang canggih atau yang memberi upah lumayan sahaja. Manakala, kemusykilan-kemusykilan biasa diremeh dan diabaikan.

Anjuran tidak diskriminatif mempunyai akar dalam Al-Quran. Terdapat banyak ayat-ayat Al-Quran yang melarang para Nabi daripada menolak sesiapa sahaja yang datang mencari bimbingan agama dan menganjur untuk menerima manusia seadanya sahaja. Rasulullah s.a.w. sendiri pernah ditegur oleh Allah ta'ala kerana rasa keberatan menerima Abdullah bin Um Maktum yang buta kerana hendak memenangi hati tokoh-tokoh besar Quraisy.²¹

Termasuk dalam hal ini juga ialah sikap mengelak daripada menangani kemusykilan yang rumit dan canggih kerana ia menjadikan kita malas untuk mengkaji dan mempertingkatkan ilmu. Ia juga menjadikan kita mahu duduk dalam ruang selesa peribadi sahaja hingga mengabaikan masalah-masalah masyarakat yang lebih penting dan besar.

Namun pengecualian boleh diberikan pada kes-kes tertentu. Pertama ialah kemusykilan yang timbul daripada mereka yang dilanda penyakit was-was. Golongan ini akan mengemukakan soalan-soalan sekitar isu yang sama cuma ditulis dengan variasi yang berbeza sahaja. Biasanya ia melibatkan isu najis, mandi hadas, berwudhu', istinja, solat, makanan yang halal dan adakala pula talak. Sebab kenapa golongan ini tidak boleh dilayan ialah menjawab kemusykilan mereka bukanlah huraian bagi masalah sebenar. Mereka ini perlu dirawat secara psikologi oleh kaunselor terlatih atau menjalani rawatan perubatan oleh psikiatri. Jika tidak, mereka akan terus bertanya tentang masalah yang sama, walaupun telah berkali-kali jawapan diberi. Bahkan melayan hanya akan memburukkan lagi penyakit ini.

Kedua ialah golongan yang ditimpa gangguan obsesi. Disebabkan

21 Lihat tafsir surah 'Abasa, ayat ke 1-11. Lihat juga tafsir surah Ays-Syu'ara', ayat ke 114 dan 215, surah Hud, ayat ke 11, Al-Ma'idah, ayat ke 52 dan surah Al-Kahf, ayat ke 28 yang mengandungi pesanan yang seiras.

gangguan ini, mereka sentiasa terdorong untuk mengemukakan pelbagai kemusykilan dan akan berasa suka apabila dilayan. Perbezaan dengan yang pertama ialah isu yang ditanya adalah rencam, bukan sejenis sahaja. Sebagaimana golongan pertama, menjawab kemusykilan golongan ini hanya akan memburukkan lagi keadaan mereka. Selain itu, kemusykilan yang ditanya bukanlah masalah sebenar tetapi hanya direka-reka bagi memuaskan obsesi yang ada.

Di internet, kedua-dua golongan ini akan sanggup menukar emel dan identiti mereka, baik dalam bentuk nama, alamat emel atau akaun media sosial, semata-mata untuk mengemukakan kemusykilan mereka dengan harapan akan mendapat layanan daripada asatizah yang ditanya. Pengetahuan teknikal asas mengenai dunia internet berguna bagi asatizah untuk kenal pasti golongan ini dan mengelak tipu helah mereka.

4. Menjaga rahsia

Asatizah sering kali ingin berkongsi kemusykilan agama yang dikendalikannya secara peribadi kepada orang ramai atau di wadah-wadah terbuka, seperti media sosial dan sesi ceramah, dengan tujuan untuk berkongsi ilmu supaya sesiapa yang mungkin mempunyai masalah yang sama dapat juga menerima manfaat daripada kemusykilan berkenaan. Perkongsian ini di media sosial juga berguna untuk rekod. Dengan rekod ini, asatizah tidak perlu menulis semula jawapan, jika menerima kemusykilan yang sama.

Ada kala pula kemusykilan ini memang bertujuan diterbitkan untuk orang ramai seperti di akhbar dan majalah. Dalam hal ini, asatizah perlu perihatin akan maklumat-maklumat yang bakal dimasukkan dalam penerbitan itu.

Menjaga rahsia di sini bermaksud memelihara maklumat-maklumat yang dapat mendedahkan identiti si penanya atau pihak-pihak yang terbabit dalam kemusykilan yang dikemukakan. Contoh maklumat-maklumat yang perlu dipelihara ialah nama individu, alamat rumah dan pejabat, maklumat perhubungan (nombor telefon, emel), gambar atau butiran yang membolehkan orang mengagak pihak yang terbabit dalam kemusykilan itu.

Hal ini adalah kerana, umumnya, kemusykilan yang ditanya mengandungi perkara yang boleh mengaibkan orang atau menjejaskan kepentingan pihak tertentu.

Selain itu butiran peribadi juga boleh disalah guna oleh pihak-pihak lain hingga menimbulkan masalah pada orang yang berkenaan.

Penjagaan rahsia ini penting dari sudut agama, etika umum dan undang-undang. Dari segi agama, ia termasuk dalam anjuran menutup aib dan menjaga maruah seseorang yang disebut dalam hadis.²² Dari segi etika, ia boleh dikiasakan dengan etika profesional dalam pengendalian kes sosial, rekod perubatan dan guaman. Dari segi undang-undang pula, ia boleh masuk dalam Akta Pemeliharaan Data Peribadi (*Personal Data Protection Act*)²³ dan undang-undang lain.

Prinsip Asas

Di sini, saya akan membicarakan beberapa prinsip asas yang sentiasa menjadi pertimbangan, apabila mengendalikan kemusykilan agama.

Prinsip ini umum, bukan hanya khusus bagi pengendalian kemusykilan agama dalam konteks Singapura. Namun membicarakannya adalah penting kerana tidak semua asatizah memberi darjah kepentingan yang sama pada prinsip-prinsip ini.

Berkongsi prinsip-prinsip asas pegangan saya ini di sini, sedikit sebanyak, membantu para pembaca memahami gaya dan pendekatan saya dalam kemusykilan agama yang saya jawab dan terbitkan dalam buku ini. Dengan itu juga, para pembaca dapat memahami kenapa saya menjawab sedemikian, berbeza dengan jawapan yang mungkin ditemui di tempat lain.

1. Bersandarkan pada apa yang sahih daripada Al-Quran dan hadis

Ini adalah perkara yang paling asas. Sepatutnya perkara ini dianggap “*given*” kerana mustahil sesuatu huraian bagi kemusykilan disandarkan kepada agama tanpa mempunyai sandaran yang sahih daripada Al-Quran dan hadis.²⁴

22 Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud, “Sesiapa yang menutup aib saudara Muslimnya, Allah akan menutup aibnya di akhirat.” (Riwayat At-Tirmizi)

23 Lihat *Personal Data Protection Act*, no. 26/2012, available at <http://statutes.agc.gov.sg/aol/search/display/view.w3p?page=0;query=CompId%3A01ff0681-2d42-4e65-a34f-9349703f87d3;rec=0> (8 Disember 2015).

24 Lihat hadis yang bermaksud, Rasulullah s.a.w. bertanya, “Bagaimanakah nanti engkau akan memutuskan hukum apabila dibawa kepada engkau sesuatu permasalahan?” Muaz menjawab: “Saya akan memutuskan hukum berdasarkan Kitab Allah s.w.t.” Nabi bertanya lagi, “Sekiranya kamu tidak mendapati di dalam Kitab Allah?” Jawab Muaz, “Saya akan memutuskan berdasarkan Sunnah.” Tanya Nabi lagi, “Sekiranya engkau tidak menemui di dalam Sunnah?” Muaz

Namun, saya suka menyebutkannya juga di sini sebagai tanda iltizam pada prinsip dan supaya tiada kesamaran mengenai perkara ini daripada saya, khususnya apabila terdapat sesetengah jawapan bagi kemusykilan dalam buku ini boleh dianggap kontroversi oleh sesetengah pihak yang seolah-olah memberi gambaran prinsip ini tidak penting di sisi saya.

Selain itu, menyebutkan prinsip ini secara tersurat, membolehkan saya menyentuh pula beberapa isu yang berkaitan dan relevan untuk diketengahkan apabila membicarakan tentang kaedah menangani kemusykilan agama yang baik.

Pertama, perlu dipertegaskan, bahawa menjadi sandaran yang sahih daripada Al-Quran dan hadis bukan bermakna, tidak perlu ikut mana-mana mazhab. Bermazhab pun perlu berdasarkan apa yang sahih daripada Al-Quran dan hadis, paling kurang, dari sudut ijtihad dan metodologi mazhab itu. Namun, soal kepentingan mengambil kira mazhab tempatan dalam menangani kemusykilan agama akan saya bicarakan di bawah nanti.

Kedua, menjadikan Al-Quran dan hadis sebagai sandaran tidak bermakna di sana hanya ada satu sahaja jawapan bagi kemusykilan yang ditangani atau tiada boleh ada perbezaan jawapan bagi kemusykilan yang sama. Hal ini tidak benar sama sekali. Jika benar, maka tidak seharusnya ada pelbagai mazhab atau perbezaan pendapat di kalangan ulama dalam memberi hukum pada satu masalah yang sama.

Atas dasar itu, tidak perlu hairan dan bersikap mempersalahkan jika mendapati ustaz lain memberi jawapan berbeza pada kemusykilan yang kita jawab atau tidak bersetuju dengan pendapat kita. Saya nyatakan sedikit sebab perkara ini boleh berlaku dalam prinsip kontekstual di bawah.

Oleh itu juga, perlu kita fahamkan pihak yang bertanya mengapa ada jawapan yang berbeza pada kemusykilan yang ditanya atau mengapa jawapan kita berbeza dengan yang lain, tanpa semestinya menyalahkan pendapat yang lain itu, supaya ia tidak keliru dan bingung.

2. Memudahkan

Pada dasarnya, saya berkeyakinan bahawa apa jua huraian bagi kemusykilan yang hendak saya beri mestilah sesuatu yang memudahkan seseorang itu untuk mengamalkan agama, bukan memberat atau menyulitkan.

Pertimbangan bagi memudahkan ialah huraian itu adalah sesuatu yang praktikal, realistik, mampu dilakukan secara munasabah, memberi

menjawab, “Saya akan berijtihad dan saya tidak akan mengabaikan perkara tersebut.” Nabi pun menepuk dada sambil bersabda, “Segala puji bagi Allah yang telah memberi taufiq kepada utusan Rasulullah s.a.w. ke arah sesuatu yang diredhainya.” (Riwayat Ahmad dan Abu Daud)

keringanan kepada yang memerlukan dan menjurus pada perubahan yang berperingkat-peringkat, bukan mendadak.

Prinsip memudahkan mempunyai asas yang kukuh dalam nas agama;

- Al-Quran secara jelas menyatakan bahawa agama ini tidak diturunkan untuk menimbulkan kesulitan dan Allah mahukan kemudahan bagi manusia dari agama, bukan kesulitan.²⁵
- Nabi s.a.w. secara tersurat memerintah agar mempermudah manusia mengamalkan agama dan melarang daripada mempersulitkan.²⁶
- ia adalah pilihan utama Nabi s.a.w. apabila berhadapan dengan pelbagai pilihan.²⁷
- memudahkan adalah salah satu makna dari sifat “*al-hanifiyah as-samhah*” yang diberi Nabi s.a.w. bagi agama ini.²⁸
- ia lebih dekat pada tujuan perutusan Nabi s.a.w. sebagai “rahmat bagi seluruh alam”.²⁹
- Allah ta’ala suka manusia menerima rukhsah daripada-Nya kerana ia memudahkan amalan agama.³⁰

Memang benar ada situasi yang mana memberi kemudahan bukan huraian yang terbaik bagi seseorang dan mungkin akan membuka pintu bagi salahguna hukum agama. Namun, saya berpendapat perlu membezakan antara apa yang menjadi prinsip asas dan hukum pengecualian. Dalil-dalil yang ada cukup kuat untuk merumuskan bahawa memudahkan adalah prinsip asasi. Oleh itu, ia mesti didahulukan dan dijadikan pertimbangan utama. Oleh itu juga, hukum yang lebih ketat dijadikan pilihan hanya jika

25 Lihat surah Al-Baqarah, ayat ke 185, surah Al-Haj, ayat ke 78 dan Al-Ma’idah, ayat ke 6.

26 Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud, “Mudahkanlah, janganlah mempersulit dan membikin manusia lari (daripada kebenaran) dan saling membantulah (dalam melaksanakan tugas) dan jangan berselisih.” (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

27 Lihat hadis yang bermaksud, “Rasulullah s.a.w. ketika dihadapkan dua pilihan, beliau selalu memilih yang termudah selama itu tidak mengandungi dosa, apabila itu mengandungi dosa maka beliau menjauhinya.” (Riwayat Muslim)

28 Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud, “Aku diutus dengan *al-hanifiyah* (agama yang lurus) *al-samhah* (yang mudah).” (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

29 Lihat surah Al-Anbiya’, ayat ke 107.

30 Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud, “Sesungguhnya Allah menyukai keringanan-keringanannya diambil sebagaimana Dia membenci kemaksiatannya didatangi/dikerjakan.” (Riwayat Ahmad).

di sana sebab-sebab yang mengecualikan daripada prinsip asasi ini, seperti jika ada petanda bahawa yang bertanya akan menyalahguna agama, yang bertanya seorang yang memang condong pada sikap meremehkan agama atau huraian yang memudahkan bakal menatijahkan mudarat yang lebih besar.

3. Kontekstual

Kontekstual bermaksud jawapan yang diberi bagi kemusykilan yang ditangani hendaklah mengambil kira konteks atau disesuaikan dengan realiti yang berkaitan dengan kemusykilan itu.³¹

Sebagaimana prinsip memudahkan, saya berkeyakinan bahawa pertimbangan kontekstual mempunyai sandaran yang kuat pada nas agama hingga wajar dijadikan asas utama dalam merumus hukum agama.

Nas-nas agama yang boleh disandarkan ialah:

- Allah ta'ala menurunkan Al-Quran bertahap-tahap kerana pertimbangan realiti umat Islam di masa itu.³²
- Allah ta'ala memansuhkan hukum dan menggantikannya dengan hukum lain kerana perubahan realiti.³³
- Allah ta'ala mensyariat hukum rukhsah (keringanan) apabila muncul realiti tertentu seperti keharusan memakan bangkai bagi yang terdesak dan berbuka puasa bagi yang sakit.³⁴
- Pelbagai hadis yang memberi jawapan yang berbeza bagi soalan yang sama kerana Nabi s.a.w. mengambil kira perbezaan konteks seperti soalan mengenai jihad atau amal yang terbaik.

Telah sabit juga di sisi ulama kaedah fiqh yang berbunyi, “keharusan perubahan hukum sesuai dengan perubahan zaman, tempat dan adat” yang menunjukkan pertimbangan konteks adalah sesuatu yang telah diguna pakai dan dianjurkan dalam hukum agama.³⁵

31 Lihat Pergas (2004), *Kesederhanaan Dalam Islam Dalam Konteks Masyarakat Muslim Singapura*, Singapura: Pergas, ms. 180-5.

32 Lihat surah Al-Isra', ayat ke 106 dan surah Al-Furqan, ayat ke 32.

33 Lihat surah Al-Baqarah, ayat ke 106 dan surah Al-Haj, ayat ke 52.

34 Lihat surah Al-Baqarah, ayat ke 183-184, Al-Ma'idah, ayat ke 5 dan surah Al-An'am, ayat ke 145.

35 Muhammad Haniff Hassan, “Can Islam be contextualised?”, *IDSS Commentaries* (66/2005), 30 September 2005. Terbit juga di *The Straits Times*, “Putting Islamic teaching in context”, 7 Oktober 2005. Lihat Pejabat Fatwa Kuwait, “La yunkar taghayyur al-ahkam bi taghayyur al-azman”, di <http://islam.gov.kw/eftaa/Entries/>

Dalam hal ini juga terdapat kisah yang masyhur mengenai seorang sahabat, Ibn Abbas r.a., yang memberi jawapan berbeza kepada dua orang yang bertanya sama ada Allah ta'ala akan mengampunkan orang yang membunuh dengan sengaja. Seorang dijawabnya dengan, “Ya” dan seorang lagi dijawabnya dengan “Tidak” kerana perbezaan yang dilihat pada kedua-dua orang yang bertanya. Yang dijawab “ya” kerana dilihat tanda-tanda penyesalan dan ingin bertaubat. Manakala yang dijawab “tidak” pula kerana dilihat tanda-tanda marah dan keinginan untuk mencari alasan melakukan pembunuhan.

Seringkali prinsip kontekstual dicurigai kerana dianggap sebagai alasan untuk menggadai prinsip agama.

Apa yang dapat dijelaskan di sini ialah nas-nas agama yang disebutkan di atas cukup kuat dan banyak untuk merumuskan bahawa sifat kontekstual diperakui oleh agama dan telah diterima pakai dalam prinsip hukum Islam.

Pastinya nas-nas itu tidak bermaksud agar ia diguna hingga menggadai prinsip-prinsip atau hukum-hukum asasi agama dan para ulama pun apabila merumuskan kaedah fiqh dan menerapkan prinsip kontekstual dalam hukum agama dalam bentuk yang menggadai agama.

Tapi bagaimana menerapkan prinsip kontekstual tanpa mengakibatkan penggadaian agama? Hal ini dapat dicapai kerana Allah ta'ala mahukan kebanyakan nas-nas agama-Nya bersifat *zanni* yang membolehkan pelbagai tafsiran dan rumusan hukum. Natijah daripada ini membolehkan kebanyakan hukum agama bersifat anjal dan pelbagai hingga boleh disesuaikan dengan keadaan yang berbeza-beza di sesuatu masa dan disesuaikan juga dengan perbezaan keadaan kerana perubahan masa.

Oleh kerana dalil-dalil yang bersifat *zanni* yang membolehkan keanjalan dan penyesuaian hukum mengikut konteks mewakili jumlah terbesar dari nas agama, tidaklah salah untuk dirumuskan bahawa sifat kontekstual adalah prinsip asasi agama secara umum kecuali jika ia membabitkan perkara-perkara yang telah sepakat di sisi ulama sebagai prinsip yang tidak boleh berubah (*qat'iyat*) dalam agama.

Merumuskan kaedah dan prinsip agama berdasarkan sifat umum sememangnya diakui oleh fiqh.³⁶ Atas dasar itu jugalah kebanyakan kaedah-kaedah umum fiqh dirumuskan. Pengecualian-pengecualian

[Pages/Entry39.aspx](#) (8 Disember 2015).

36 Lihat Abdul Aziz bin Abdullah An-Namlah, *Syumul al-'Am Li al-Nadir*, di <http://www.feqhup.com/uploads/1412476759971.pdf> (8 Disember 2015).

disebut apabila menghuraikan kaedah ini dan apabila terdapat sebab-sebabnya.

Ada dua konteks yang perlu diberi perhatian. Pertama ialah realiti individu yang berkaitan dengan kemusykilan yang ditanya. Individu ini kadangkala si penanya itu sendiri. Tapi adakala juga orang lain. Ertinya yang bertanya menanyakan kemusykilan berkaitan orang lain, bukan dirinya. Pertimbangan realiti di sini ialah mengambil kira faktor jantina, umur, ekonomi, perkahwinan, etnik dan apa jua perkara yang berkaitan dengan individu yang mempunyai kesan pada hukum atau huraian bagi kemusykilannya. Kedua ialah realiti yang berkaitan sekitaran individu berkenaan seperti negaranya, masyarakatnya, adat budaya sekitarnya, keadaan politik setempat, bahkan juga keadaan politik global.

Satu perkara dalam mempertimbangkan konteks ialah memperhatikan sama ada kemusykilan yang ditangani adalah perkara yang hanya membabitkan individu sahaja, iaitu ia hanya masalah individu dan hukum yang diberi hanya untuk individu itu sahaja, atau ia membabitkan orang ramai, iaitu kemusykilan itu bukan hanya soal individu tetapi membabitkan hukum bagi orang ramai. Hal ini adalah kerana apabila hukum itu hanya membabitkan individu, konteks yang menjadi pertimbangan utama ialah apa yang berkaitan dengan masalah individu itu sahaja. Jika ia hukum yang bersifat umum untuk orang ramai, konteks yang menjadi pertimbangan utama ialah yang berkaitan dengan masalah awam. Hal ini perlu diperhatikan kerana adakala kepentingan awam bercanggah dengan kepentingan individu. Dengan memahami perkara ini, kita dapat memutuskan faktor mana yang perlu diberi pertimbangan besar. Selain itu, hukum-hukum yang membabitkan masalah umum perlu ditangani dengan lebih sensitif. Adakala pula sebaiknya ia diserahkan kepada pihak yang lebih berwenang, seperti Jawatankuasa Fatwa Muis, untuk ditentukan hukum berkenaan dan bukan asatizah secara individu.

4. Berpusat pada si penanya

Apabila menangani kemusykilan agama, huraian yang dirumuskan asatizah hendaklah dipandu oleh prinsip keperluan dan kepentingan si penanya atau pihak yang terbabit dalam kemusykilan.

Hal ini sama seperti konsep pengajaran berpusatkan pelajar (*student centric teaching*) dalam pendidikan atau kaunseling berpusatkan klien (*client centric counseling*).

Perkara ini perlu diperingatkan kerana boleh terjadi asatizah apabila

menjawab kemusykilan agama cenderung pada mazhab pegangan dirinya dan sifat konservatif peribadi yang kadangkala tidak menatijahkan huraian terbaik atau praktikal bagi yang bertanya.

Disebabkan faktor-faktor ini, asatizah berkeberatan untuk memberi keringanan, mencadangkan huraian berdasarkan mazhab lain yang lebih praktikal.

Adalah penting dalam hal ini asatizah membezakan antara sifat warak untuk dirinya dan keharusan yang memang diberi oleh agama untuk si penanya. Hal juga ini sering kali diperingatkan oleh ulama dalam adab-adab berfatwa, iaitu mufti hendaklah mengelak dari menjadikan pegangan pribadinya atas dasar warak sebagai hukum ke atas orang ramai atau orang lain yang berbeza darinya.

Asatizah hendaklah faham bahawa Islam lebih luas daripada mazhab pilihan peribadinya dan peranan utama kita ialah untuk memudahkan manusia mengamalkan Islam yang luas itu dan bukan mempromosi sesuatu mazhab atau kecenderungan peribadi.

Walaupun dalam panduan khusus di bawah, saya mencadangkan kepentingan memberi keutamaan pada mazhab Asy-Syafi'i-Sunni apabila menangani kemusykilan agama, dalam konteks perkara yang dibincangkan di sini, ia tidak seharusnya sampai menjejaskan kepentingan dan keperluan si penanya. Hukum dari mazhab lain tetap terbuka sebagai pilihan, jika itu yang terbaik sebagai huraian.

Perlu dinyatakan di sini, walaupun, AMLA menetapkan bahawa fatwa haruslah bersandarkan pada mazhab Asy-Syafi'i dan keputusan-keputusan Mahkamah Syariah dan Lembaga Rayuan Syariah dipandu oleh mazhab Asy-Syafi'i juga, ia juga memberi kelonggaran untuk mengguna pandangan dari mazhab lain. Hakikatnya pula, terdapat beberapa fatwa Jawatankuasa Fatwa dan *irsyad* dari Pejabat Mufti yang bersandarkan pada mazhab lain, bukan Syafi'i seperti penggunaan wang untuk pembayaran zakat fitrah dan keharusan tidak melakukan solat Jumaat bagi sesiapa yang sudah melakukan solat hari raya yang jatuh pada hari Jumaat.

Sikap yang sama perlulah ada pada asatizah juga.

Panduan Khusus Dalam Konteks Singapura

Dalam bahagian ini, saya akan berkongsi perspektif saya tentang pertimbangan-pertimbangan khusus apabila menangani kemusykilan agama dalam konteks Singapura.

1. Memberi pertimbangan pada Akta Pentabdiran Hukum Islam (AMLA) Singapura³⁷

Ruang di sini tidak memadai untuk memperkenalkan AMLA dan bukan tujuan utama di sini pula untuk memperkenalkannya. Namun mengetahui isu AMLA adalah penting bagi asatizah untuk mampu menangani kemusykilan agama di Singapura dengan baik. Oleh itu, asatizah perlu melapangkan masa untuk membaca dan membiasakan diri dengan kandungan AMLA. Paling kurang ialah mengetahui peruntukan umum dalam AMLA dan aspek-aspek hukum Islam yang ada dalamnya seperti peruntukan berkaitan hukum kekeluargaan Islam.

Dari segi hukum Islam, AMLA mempunyai peruntukan undang-undang bagi soal hukum nikah dan cerai, pertunangan, hak/tanggungjawab suami dan isteri, hak nafkah dan penjagaan anak-anak, harta sepencarian, pemakanan halal, faraid, wakaf dan lain-lain.

Sebagai undang-undang negara yang sah, ia mempunyai kuasa undang-undang pada batas-batas yang diperuntukkan padanya, sama seperti undang-undang lain. Oleh itu, ia tidak boleh diketepikan atau dilanggar begitu sahaja.

Mengeluarkan hukum yang bercanggah dengan peruntukan AMLA, tidak semestinya menyalahi undang-undang. Tapi mengamalkan hukum fiqh yang tidak selari dengan peruntukan AMLA adalah kesalahan undang-undang yang boleh dihukum atau menyebabkan pelbagai kerumitan lain. Dalam konteks inilah jawapan pada kemusykilan agama berkaitan isu-isu yang terdapat peruntukan dalam AMLA tidaklah boleh menyalahinya kerana ia boleh mengakibatkan pihak berkenaan jatuh dalam kesalahan undang-undang pula dan asatizah kemudiannya boleh disalahkan.

AMLA telah ada sejak tahun 1966. Ia telah disemak dan diguna pakai oleh beberapa generasi hampir setengah abad, termasuklah para mufti dan hakim-hakim Mahkamah Syariah yang terdiri dari ilmuwan agama tempatan. Tidak pernah ada dari kalangan mereka yang pernah menyatakan terdapat peruntukan dalam AMLA yang berkaitan hukum agama yang bercanggah secara mutlak dengan Al-Quran dan hadis. Ada pun wujudnya peruntukan yang jatuh dalam ruang lingkup khilafiyah dalam hukum agama memang tidak dinafikan. Bahkan ia sesuatu yang tidak terelak kerana amat mustahil bagi mana-mana peruntukan undang-undang untuk mengakomodasi semua pendapat dalam fiqh disebabkan percanggahan

37 Lihat Administration of Muslim Law Act, cap. 3/2009, di <http://statutes.agc.gov.sg/aol/search/display/view.w3p?page=0;query=DocId%3A3e90fc65-b364-434b-b2dc-ced1d9608640%20%20Status%3Ainforce%20Depth%3A0;rec=0> (8 Disember 2015).

yang berlaku antara satu sama lain. Bahkan soal harta sepencarian yang tidak ada dalam buku teks fiqh klasik pun telah diterimapakai sebagai *'urf* (adat) setempat yang sah.

Oleh itu, AMLA ini boleh dinilai sebagai sesuatu yang telah diterima oleh para ilmuwan agama tempatan sejak setengah abad yang lalu dan bukan hanya satu undang-undang negara. Penggunaannya juga sah di bawah prinsip siyasah syar'iyah yang juga mendasari banyak kanun dan undang-undang Islam di merata negara-negara Islam yang lain. Ertinya prinsip yang mendasari keabsahan pengkanunan hukum Islam di negara Islam juga menjadi dasar bagi mengabsahkan AMLA di Singapura di sisi syara'.

Dalam konteks undang kekeluargaan Islam yang terkandung dalam AMLA, ia perlu juga difahami bersama dengan keputusan-keputusan Mahkamah Syariah dan Lembaga Rayuan Syariah yang mengendalikan kes-kes kekeluargaan di bawah AMLA. Hal ini adalah kerana asas undang-undang Singapura ialah *common law* Inggeris yang mana undang-undang yang terpakai bukan hanya berdasarkan kanun yang tertulis tetapi juga keputusan-keputusan hakim mahkamah tinggi yang menghuraikan kanun tertulis dan mengaplikasikannya pada kes yang khusus. Walaupun dalam Islam keputusan-keputusan hakim tidak mengikat hakim yang lain, berbeza dengan *common law*, namun dalam amalan Mahkamah Syariah dan Lembaga Rayuan Syariah, keputusan-keputusan yang lalu sentiasa diberi pertimbangan berat kerana ia menyumbang pada kestabilan dan konsistensi dalam undang-undang, terutama jika ia membabitkan kes-kes yang penting dan unik. Hal ini juga sesuai dengan prinsip *qiyas* yang mana hukum yang sama diberikan pada dua kes yang mempunyai sifat-sifatnya yang sama.

Oleh itu, memahami undang-undang kekeluargaan Islam di bawah AMLA bukan hanya perlu membaca peruntukan-peruntukan yang ada di dalamnya tapi juga membaca laporan keputusan-keputusan berkaitan kes-kes yang lepas. Rujukan penting dalam hal ini ialah buku *Singapore Appeal Cases Reports (1980 – 2010)* yang diterbitkan oleh Mahkamah Syariah Singapura pada tahun 2012 dalam bentuk 6 jilid. Walaupun, kes-kes yang dilaporkan tidak merangkumi semua kes-kes kendalian Mahkamah Syariah dan Lembaga Rayuan Syariah, ia memadai untuk mewakili bagaimana undang-undang kekeluargaan Islam diterapkan secara praktikal dan sekaligus memberi huraian pada peruntukan yang ada dalam AMLA.

Termasuk dalam hal ini ialah memberi pertimbangan akan peraturan pentadbiran dalam melaksanakan AMLA yang dibuat oleh pihak yang

diberi kuasa oleh AMLA seperti peraturan pentadbiran pernikahan oleh pejabat Pendaftaran Pernikahan Muslim (Romm), peraturan perceraian oleh Mahkamah Syariah dan peraturan lain yang berkaitan oleh Muis.

Tiga contoh dapat diberi berkaitan memberi hukum berdasarkan fiqh sahaja tanpa ambil kira AMLA dan kesannya.

Pertama, kitab fiqh klasik tidak memberi pertimbangan berat pada soal izin isteri apabila suami ingin berpoligami. Bahkan terdapat banyak kitab fiqh yang berpendapat bahawa izin isteri tidak wajib dan bukan syarat keharusan suami untuk berpoligami. Pendapat ini bercanggah dengan prosedur dan peraturan berpoligami yang diletakkan oleh pihak Romm yang walaupun tidak menjadikan izin isteri sebagai syarat mutlak bagi berpoligami tapi menjadikannya pertimbangan penting dalam memberi izin. Maka asatizah yang menangani kemusykilan berkaitan poligami dan memberi nasihat berdasarkan hukum fiqh sahaja seperti yang dinyatakan di atas tanpa ambil kira peraturan dan prosedur yang ada, berhadapan dengan risiko berikut:

- menjadi penggalak seseorang melanggar peraturan dan undang-undang.
- menjadi penggalak seseorang membelakangkan institusi agama dan kuasanya yang sah, baik dari segi undang-undang atau agama.
- bermasalah dengan pihak isteri yang tidak puas hati dengan nasihat yang menyalahi peraturan sedia ada.
- bermasalah dengan pihak suami kerana pendapat yang tidak menepati peraturan sedia ada.

Kedua, asal pernikahan dalam kitab fiqh bersifat mutlak bukan bertaklik. Tapi semua pernikahan di Singapura hari ini wajib bertaklik yang mana suami dituntut setelah melakukan akad nikah untuk menandatangani sijil nikah yang terkandung dalamnya perisytiharan taklik, iaitu talak jatuh setelah didapati benar oleh pihak mahkamah bahawa suami gagal memberi nafkah zahir atau batin pada tempoh tertentu atau mendera isteri secara fizikal atau emosi. Asatizah yang tidak condong pada amalan ini dan memberi pandangan bahawa ia bukan satu keperluan sah nikah hingga mencadangkan kepada si penanya tidak perlu membaca taklik berkenaan berisiko memberi nasihat yang salah tentang hakikat pernikahan itu, iaitu taklik nikah itu tetap berlaku di sisi undang-undang apabila pengantin lelaki menandatangani sijil nikah, walaupun jika dia tidak membaca taklik berkenaan. Ertinya, jika berlaku masalah di masa akan datang, suami tidak boleh melepaskan diri dari taklik itu dengan berhujah ia

tidak berlaku kerana dia tidak bersetuju dengan taklik itu dan tidak pula melafazkannya.

Ketiga, sesetengah harta warisan tidak boleh dibahagikan kepada para waris tanpa ada sijil warisan dari Mahkamah Syariah. Permohonan hanya boleh dibuat dengan mengisi data-data secara talian. Sistem talian hanya akan memproses dan menghasilkan keputusan mengikut mazhab Asy-Syafi'i sahaja. Oleh itu, apa jua lebihan dari harta warisan setelah semua waris mendapat hak masing-masing akan secara otomatik diberikan kepada Baitul Mal yang dikendalikan Muis. Asatizah yang condong pada pendapat yang menganjurkan lebihan harta dibahagi semula kepada waris tidak boleh menasihati sedemikian apabila menjawab kemusykilan agama yang berkaitan kerana sistem yang ada tidak akan membolehkan. Jika perkara ini tidak disampaikan dengan betul dan baik, ia mungkin menyebabkan salah perkiraan dalam pembahagian harta warisan dan percanggahan dengan apa yang ditentukan oleh Mahkamah Syariah hingga menimbulkan pula masalah-masalah antara ahli keluarga atau kepada diri sendiri.

2. Memberi pertimbangan pada fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Muis

Salah satu fungsi AMLA ialah mewujudkan institusi Mufti dan salah satu peranan Mufti yang diperuntukkan oleh AMLA ialah mengeluarkan fatwa berkaitan masalah-masalah agama yang dikemukakan oleh orang ramai dengan dibantu oleh Jawatankuasa Fatwa yang dianggotai oleh ilmuwan agama tempatan.

Walau persoalan fatwa ada diperuntukkan oleh undang-undang, fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Muis tidak mengikat sebagaimana undang-undang biasa.

Ertinya, sesiapa yang melanggar fatwa rasmi tidak boleh didakwa dan dihukum salah di bawah undang-undang. Dalam konteks Singapura, sesiapa pun bebas untuk beramal dengan hukum yang berbeza dari fatwa rasmi hasil yang dari ulama atau mazhab selain Asy-Syafi'i.

Namun ini tidak bermakna asatizah yang menangani kemusykilan agama boleh mengetepikan fatwa-fatwa dari Jawatankuasa Fatwa Muis begitu sahaja atas sebab-sebab berikut:

- fatwa yang dihasilkan oleh Jawatankuasa Fatwa Muis bukanlah pendapat peribadi Mufti. Ia dihasilkan melalui proses perbincangan yang teliti yang melibatkan anggota jawatankuasa dan juga nasihat pakar apabila ia melibatkan kepakaran di luar bidang agama.

Pada kelazimannya, semua fatwa yang dikeluarkan berdasarkan kesepakatan semua ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa. Ertinya ia adalah satu usaha dan pendapat kolektif. Sifat kolektif ini menuntut asatizah memberi penghormatan kepada fatwa-fatwa ini. Membelakangi bermakna menolak pandangan kolektif, bukan hanya pandangan seorang individu yang tidak maksum. Kalau pun isi fatwa ini tidak dipersetujui, sifat kolektif fatwa ini tetap menuntut penghormatan dari setiap asatizah dan tidak mudah memperlekehkannya disebabkan perbezaan pendapat, terutama apabila di khalayak ramai.

- Mufti dan fatwa adalah institusi agama yang mempunyai peranan penting bagi umat Islam Singapura, walaupun terdapat keterbatasan dan ketidaksempurnaannya. Asatizah adalah golongan yang paling utama untuk menunjukkan penghormatan yang sesuai, walaupun jika ada perbezaan dalam pandangan. Jika asatizah sendiri sudah tidak menghormati institusi agama ini dan kemudiannya diikuti oleh masyarakat Islam umumnya, golongan lain pasti akan lebih tidak menghormatinya.

Walau bagaimanapun, memberi pertimbangan pada fatwa-fatwa rasmi bukan bermakna tidak boleh bersifat kritikal atau mengguna pakai fatwa-fatwa secara taklid buta.

Hal ini adalah kerana kebanyakan fatwa-fatwa ini tetap merupakan satu ijtihad sekelompok manusia yang mempunyai keterbatasan. Antara keterbatasan fatwa-fatwa ini ialah dari segi masa, iaitu sebahagiannya difatwakan di waktu yang mana pada hari ini masalah yang difatwakan telah berubah yang menuntut perubahan hukumnya pula. Namun, perubahan ini belum dibuat kerana tiada permintaan fatwa baru yang menuntut fatwa lama diubah atau disebabkan faktor-faktor lain. Contoh dalam hal ini ialah fatwa yang menghukumkan faedah dari bank POSB adalah halal kerana pada masa itu ia dioperasikan oleh pemerintah dan digunakan untuk tujuan pembangunan negara. Hari ini POSB bukan lagi bank milik pemerintah. Ia dimiliki oleh syarikat bank DBS yang merupakan syarikat komersial milik umum dan operasinya tiada beza dengan bank konvensional yang lain. Di sisi majoriti ulama kontemporari, faedah bank konvensional adalah riba yang diharamkan. Oleh itu, faedah dari bank POSB pada hari ini harus ambil hukum yang sama. Namun fatwa yang menghalalkan faedah POSB masih kekal dan belum diubah. Maka menghukumkan faedah POSB halal berdasarkan fatwa rasmi yang dikeluarkan pada tahun 70an itu adalah satu kesilapan.

Selain itu, ada fatwa yang dibuat bagi memberi hukum umum, tapi bermasalah apabila cuba diamalkan pada kes-kes tertentu kerana memberi kesan negatif yang lebih besar. Contoh dalam hal ini ialah fatwa yang mewajibkan zakat ke atas wang CPF. Fatwa ini mewajibkan mereka yang tidak membayar zakat CPF pada tahun yang sepatutnya, membayar zakat berkenaan sebagai hutang apabila wang itu dikeluarkan. Pada tahun 90an sebelum CPF diubah kepada keadaannya hari ini, ramai pakcik dan makcik yang apabila pencen mendapati tunggakan zakat yang perlu dibayar adalah besar dan meliputi sebahagian besar wang CPF yang dikeluarkan oleh mereka dan ini menjejaskan teruk kedudukan kewangan mereka untuk melalui hidup selepas pencen. Dalam hal ini, menerapkan fatwa ke atas mereka tanpa ambil pertimbangan kesan negatifnya adalah tidak bijak. Apabila perkara ini dimaklumbalaskan ke Pejabat Mufti, ia diterima dan kes-kes sedemikian akan ditangani secara berbeza oleh kaunter kutipan zakat Muis.

Fatwa zakat wang CPF juga adalah contoh fatwa yang belum diubah sedangkan keadaan wang CPF hari ini sudah jauh berbeza dari keadaannya semasa fatwa dikeluarkan. Hari ini sudah banyak hambatan-hambatan ke atas pengeluaran wang CPF setelah usia pencen yang menjadikan status pemilikan penuh sebagai syarat wajib zakat boleh dipersoalkan. Hal ini diakui oleh pihak Pejabat Mufti sendiri apabila memberi penerangan tentang fatwa berkaitan *nomination* bagi wang CPF.

Contoh ketiga ialah fatwa yang membenarkan wasiyah nazariyah, atau lebih dikenali sebagai nuzuriyah sebagai instrumen alternatif bagi pembahagian harta warisan. Asatizah perlu berhati-hati apabila ingin menggunakan instrumen ini bagi menangani kemusykilan agama yang berkaitan kerana terdapat keputusan Mahkamah Tinggi Singapura yang menolak amalan ini dalam kes Mohamed Ismail Bin Ibrahim lawan Mohd Taha Bin Ibrahim. Ertinya wasiyat yang mengguna instrumen ini akan terbatal dan dianggap tidak sah jika dicabar oleh mana-mana waris di Mahkamah Tinggi Singapura dan ini boleh menimbulkan masalah bagi asatizah yang memberi nasihat dalam masalah ini.

3. Memberi pertimbangan pada mazhab Syafi'i-Sunni.

Keperluan untuk memberi pertimbangan pada mazhab Syafi'i-Sunni dalam persoalan fiqh dan akidah sebagai mazhab yang dominan di kalangan masyarakat Melayu – kelompok dominan di kalangan masyarakat Islam di Singapura dan rantau Melayu.

Walaupun Islam bukan terhad pada mazhab Asy-Syafi'i semata-mata, namun menjadikan mazhab Asy-Syafi'i sebagai pertimbangan pertama

dalam menangani kemusykilan agama mempunyai asas dalam kaedah pengeluaran hukum Islam.

Ia jatuh dalam kaedah fiqh, *Al-'Adah muhakkimah* (adat adalah sumber sah hukum).³⁸ Hakikat bahawa mazhab Asy-Syafi'i-Sunni sudah menjadi norma setempat dalam pegangan agama dan ia adalah mazhab yang diakui sah di kalangan umat Islam sejagat menjadikan pertimbangan yang dicadangkan ini sesuai dengan kaedah fiqh yang dinyatakan.

Dari segi sosiologi dan sejarah pula, mengeneppikan begitu sahaja mazhab Asy-Syafi'i-Sunni hanya akan menimbulkan kebingungan dan ketidakharmonian kerana dinilai asing dan mencabar norma dan adat setempat.

Para ulama dahulu amat memahami perkara ini. Sebab itulah kaedah fiqh di atas dirumus untuk dijadikan panduan umum supaya masalah menjaga keharmonian yang lebih penting di sisi Islam dapat dicapai. Ia juga sesuai dengan prinsip kontekstual yang dinyatakan sebelum ini.

Selain itu, pertimbangan ini juga bertitik tolak dari premis bahawa Islam, pada dasarnya, tidak menolak pemeliharaan warisan dan tradisi sesuatu masyarakat. Dalam konteks kehidupan beragama di Singapura, mazhab Asy-Syafi'i-Sunni adalah warisan yang telah berakar umbi dan muktabar di sisi agama pula. Saya ada menulis mengenai perkara ini dalam satu artikel bertajuk "Sikap Islam Terhadap Warisan Tradisi."³⁹

Yang Islam larang ialah mengamalkan warisan yang bercanggah dengan ajaran agama dan tidak bersikap kritikal dalam mengamalkan warisan atas dasar taklid buta atau taksuf pada warisan semata-mata.

Maka bukan maksudnya di sini untuk beramal dengan mazhab Asy-Syafi'i-Sunni secara taklid buta kerana bermazhab dalam Islam tetap menuntut pengamal mazhab mengetahui dalil-dalil dan hujah-hujah yang mendasari pendapat mazhab dalam apa jua isu.

Atas dasar ini juga, sebaiknya asatizah menjawab kemusykilan agama dengan menyatakan dalil nas dan hujah-hujah lain, selama mana ia memungkinkan dan sesuai dengan tahap kefahaman si penanya, dan tidak hanya menyatakan hukum sahaja supaya dengan ini masyarakat terdidik untuk mengamalkan agama dengan kejelasan ilmu dan juga menambah keilmuan agama mereka juga.

38 As-Suyuti (1983), *al-Ashbah Wa Al-Nazair*, kaedah no. 6, ms. 89-90.

39 Muhammad Haniff Hassan, "Tradisi: Nak Tolak atau Terima?", *Berita Minggu*, 9 Jun 2013. Lihat juga di <http://haniff.sg/artikel-pendek/artikel-sikap-islam-terhadap-warisan-tradisi/> (8 Disember 2015).

Ia juga bukan bermakna kekal beramal dengan mazhab Syafi'i hingga menjejaskan pula prinsip memudahkan manusia beramal dengan agama.

Yang dimaksudkan ialah dalam apa jua kemusykilan yang ditanyakan oleh orang awam, selama mana pandangan dari mazhab Syafi'i-Sunni boleh diguna pakai tanpa menjejaskan prinsip asasi di atas dan maslahat si penanya, hendaklah pandangan itu diberi keutamaan dan diraikan sebagai menghormati amalan setempat, walaupun jika ditinjau dari penilaian ilmiah terdapat pendapat berbeza yang lebih kuat dalilnya dan asatizah mempunyai pegangan yang berbeza.

Sememangnya asatizah yang menuntut ilmu dari pelbagai sumber mempunyai hak untuk memilih mazhab atau pegangan hukum yang diyakini hujah-hujahnya yang berbeza dengan pegangan dan amalan masyarakat setempat.

Namun selama mana pegangan dan amalan setempat itu masih jatuh dalam ruang lingkup *khilafiyah* antara mazhab seperti berqunut waktu Subuh, menguatkan bacaan bismillah semasa solat dan bertahlil, adalah lebih utama untuk menghormati amalan setempat ini dari mengubahnya kerana pegangan peribadi asatizah.

Apa yang dicadangkan di sini juga terdapat sandarannya dalam adab dan amalan ulama silam. Kisah Imam Syafi'i meninggalkan bacaan qunut sewaktu menjadi imam solat Subuh kerana menghormati amalan penduduk setempat yang bermazhab Hanafi bukan sesuatu yang asing di kalangan asatizah.

Pengecualian diberikan sekiranya pendapat dominan dalam mazhab Syafi'i tidak realistik sebagai huraian bagi kemusykilan yang ada. Beberapa contoh dalam hal ini ialah:

- beramal dengan pendapat dalam mazhab Hanafi yang menghukumkan wudhu' tidak batal apabila kulit lelaki dan wanita bukan mahram bersentuhan ketika melakukan umrah atau haji disebabkan ramainya manusia hingga menjadi sukar untuk menjaga wudhu' mengikut mazhab Asy-Syafi'i.
- beramal dengan pendapat mazhab Maliki yang menghukumkan anjing tidak najis atau mazhab Hanbali yang membenarkan penyucian najis anjing dengan menggunakan sabun dan bukan tanah bagi doktor binatang Muslim kerana berpegang pada mazhab Asy-Syafi'i akan memberatkannya disebabkan tugas hariannya yang perlu merawat anjing. Demikianlah juga bagi masalah rumah yang dibeli daripada bukan Muslim yang memelihara anjing kerana menyertu seluruh ikut mazhab Asy-Syafi'i boleh memberatkan.

- beramal dengan pendapat Imam An-Nawawi (tokoh mazhab Asy-Syafi'i) yang tidak mewajibkan suntu apabila terkena najis babi bagi pekerja pembersihan Muslim yang perlu bertugas di pusat-pusat makanan atau pekerja umum di pasar raya umum untuk menyara hidup kerana mengamalkan pendapat biasa mazhab Asy-Syafi'i akan memberatkan mereka untuk beribadah semasa kerja.

Begitulah juga jika kemusykilan yang ditanya melibatkan masalah baru yang tiada hukum duluan (*precedent*) dalam mazhab Asy-Syafi'i.

4. Memberi pertimbangan pada buku *Kesederhanaan Dalam Islam Dalam Konteks Masyarakat Muslim Singapura, terbitan Pergas pada tahun 2004*⁴⁰

Sebab pertama mengapa buku ini perlu diberi pertimbangan ialah ia satu usaha kolektif golongan agamawan Singapura untuk membina kesepakatan di kalangan mereka mengenai persoalan bagaimana menjalani hidup sebagai Muslim yang baik dalam konteks Singapura yang kemudiannya dapat diguna untuk membimbing masyarakat pula. Oleh itu, terkandung di dalamnya *Piagam Kesederhanaan* yang mengandungi kesepakatan umum berkenaan.

Sebab kedua ialah berkaitan proses menghasilkan buku ini. Buku ini diterbitkan setelah melalui proses perbincangan yang teliti. Ia bermula dengan kajian oleh penulis utama. Manuskrip yang telah siap dibentangkan secara *talaqqi* kepada anggota *Masyayikh* dan Majlis Tertinggi Pergas untuk dibincang, nilai dan diluluskan yang berlangsung selama beberapa minggu. Setelah pindaan dibuat hasil dari perbincangan tahap ini, manuskrip selanjutnya dibentangkan pula dalam Konvensyen Ulama pada tahun 2003 kepada semua ahli-ahli Pergas. Lebih dari 100 asatizah menghadiri konvensyen sehari ini membincangkan isi buku ini dan memberi masukan untuk pembaikan. Draf selanjutnya pula diberi kepada Al-marhum ustaz Uthman El-Muhammadi, seorang ilmuwan dan tokoh agama yang dikenali ramai di Malaysia dan Singapura untuk disemak. Setelah menyemak, beliau memberi pujian pada isi buku ini dan dirakam dalam buku yang diterbitkan. Setelah buku ini diterbitkan, ia dibaca oleh beberapa tokoh agama dan ilmuwan Muslim dan mereka turut memberi pujian mengenai buku ini. Antara mereka ialah Prof. Mohammad Kamal Hassan, mantan rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan ustaz

40 Versi bahasa Inggeri bertajuk *Moderation in Islam in the Context of Muslim Community in Singapore* (2004).

Muhammad Nur Manuty, mantan Presiden Abim. Pujian pada buku ini oleh Prof. Mohammad Kamal Hassan dirakam dalam bukunya, *Voices of Islamic Moderation From the Malay World* (2011). Buku ini kemudiannya dilancarkan oleh Sheikh Syed Isa Semait, mantan Mufti Singapura.

Dinilai dari segi tujuan, adalah wajar bagi asatizah untuk menyokong usaha membina kesepakatan ini. Dinilai dari segi proses, ia bukan sesuatu yang dihasilkan oleh individu. Bukan hanya ia telah melalui proses permesyuaratan kolektif antara golongan agamawan tempatan, tapi ia diterbitkan oleh Pergas, satu-satunya badan yang menaungi golongan agamawan di Singapura, sebagai pendirian rasminya untuk dijadikan pedoman seluruh asatizah tempatan. Dinilai dari segi perakuan pelbagai tokoh luar negara, isi buku ini mempunyai wibawa dan diakui sejajar dengan prinsip agama Islam dan konteks tempatan juga.

Atas dasar ini semua, wajar jika isi buku ini dijadikan pertimbangan bagi asatizah dalam menangani kemusykilan agama di Singapura, terutama dalam isu-isu sosial dan politik. Sebahagian dari kemusykilan yang dihadapi mungkin telah dijawab oleh buku ini hingga dapat menjimat usaha dan masa untuk menjawabnya.

Sekali lagi dipertegaskan, bukan tujuan di sini untuk mensakralkan buku ini. Berfikir secara kritikal tetap penting dan usaha untuk membaiki isinya bahkan mengubah jika perlu untuk kebaikan ramai memang digalakkan. Yang dicadangkan ialah mengambil tahu akan kandungan buku ini dan tidak mengenyepikannya sama sekali apabila berhadapan dengan kemusykilan agama.

5. Pertimbangan pada persoalan keharmonian antara kaum dan agama

Keharmonian antara kaum dan agama adalah tanggung pemerintah Singapura sejak merdeka hingga ke hari ini. Disebabkan itu menjaganya sentiasa diusahakan dan diperingatkan. Tindakan tegas sentiasa dibuat ke atas perkara-perkara yang dapat mengganggu keharmonian antara kaum dan agama, tidak kira sama ada ia dilakukan oleh individu atau kumpulan.

Satu contoh sikap tegas pemerintah dapat dilihat daripada penggubalan *Maintenance of Religious Harmony Act*.⁴¹ Undang-undang ini memperuntukkan kuasa bagi menghukum sesiapa yang didapati

41 Lihat *Maintenance of Religious Harmony Act*, cap. 167A/2001, di <http://statutes.agc.gov.sg/aol/search/display/view.w3p?page=0;query=DocId%3A77026343-e30d-40e2-a32e-b1f5d46c5bd7%20%20Status%3Ainforce%20Depth%3A0;rec=0> (8 Disember 2015).

bersalah melakukan tindakan-tindakan yang boleh dianggap mengganggu keharmonian antara agama seperti menghina kepercayaan atau amalan sesuatu agama. Ia juga mengandungi peruntukan yang mengatur aktiviti dakwah antara penganut agama demi mengelakkan pertembungan dan ketegangan. Adalah sangat malang jika ada asatizah kita diambil tindakan di bawah undang-undang ini. Ia bukan hanya memudaratkan individu berkenaan tapi juga boleh menatijahkan implikasi negatif kepada masyarakat Muslim seluruhnya.

Dari sudut logik, soal kepentingan penjagaan keharmonian antara kaum dan agama adalah jelas kerana contoh-contoh gangguan keamanan dan porak peranda hingga membahayakan kehidupan atau menyulitkan kehidupan beragama akibat pergaduhan antara kaum dan agama begitu banyak. Pasti kita tidak mahu perkara ini berlaku di Singapura.

Dari sudut agama pula, memelihara keharmonian adalah inti pati ajaran Islam. Sejarah Nabi s.a.w. juga menunjukkan Islam lebih berpotensi untuk tersebar dalam suasana aman dari suasana *konflik*. Terdapat juga perintah jelas dalam Al-Quran yang melarang perbuatan yang dianggap menghina fahaman dan amalan agama lain.

Kesemua ini menjadi dasar pertimbangan ini.

Namun apa yang menjadikan pertimbangan ini relevan dan penting dalam menangani kemusykilan agama ialah kehidupan dalam masyarakat berbilang kaum seperti Singapura pasti akan menuntut asatizah berhadapan dengan kemusykilan dari orang ramai mengenai pandangan Islam terhadap ajaran dan amalan kaum atau agama lain dan juga pandangan Islam berkaitan interaksi sosial antara Muslim dan bukan Muslim. Contoh-contoh soalan sebegini ialah:

- pandangan Islam terhadap akidah Trinititi agama Kristian, upacara Hungry Ghost, Perayaan Kek Bulan dan Perayaan Thaipusam.
- pandangan Islam tentang menghadiri majlis perayaan agama lain.
- pandangan Islam mengenai ucapan sempena hari perayaan agama lain.

Bukan tujuan di sini untuk menyatakan apakah jawapan yang paling sesuai bagi soalan-soalan sebegini kerana ia terlalu banyak untuk dikumpul dalam satu buku sebegini. Tambahan pula tidak mungkin asatizah dapat sepakat dalam memberi jawapan pada semua soalan-soalan yang timbul. Perbezaan pendapat pasti akan timbul.

Yang penting di sini ialah dua perkara. Pertama, apa jua jawapan yang hendak diberi bagi kemusykilan yang berkaitan agama dan budaya kaum

lain, asatizah haruslah mengambil kira sudut agama tapi juga undang-undang yang ada dan kesan sosialnya. Kedua, setelah memutuskan hukum berkaitan perkara yang ditanya, hendaklah ia ditulis atau dipersembahkan dengan cara yang baik; berhikmah dan tidak menyakiti pihak lain.

Asatizah perlulah memahami bahawa kebenaran yang diyakini dari jawapan yang hendak diberi bukan alasan untuk menyampaikannya dengan cara-cara yang bersifat menghina seperti penggunaan bahasa, perkataan dan istilah atau gaya penyampaian yang bersifat mempersenda atau memandang rendah pada yang lain atau dinilai sebagai menyakiti oleh pihak lain, sebagaimana yang diajarkan oleh ayat Al-Quran yang melarang mencela Tuhan agama lain.⁴²

Mengambil kira persepsi orang ramai dan kesan buruk tindakan dan ucapan kita pula bukan semestinya satu sikap yang populis atau penakut. Ia mempunyai sandaran dalam hadis Nabi s.a.w. yang berkata, “Aku tidak mahu orang berkata Muhammad membunuh sahabatnya.”

Dalam buku *Muslim...Moderat...Warga Singapura*,⁴³ saya berhujah dengan agak panjang lebar tentang kepentingan mengambil kira hak dan kepentingan orang lain seiring dengan hak dan kepentingan umat Islam di Singapura ini dan menjadikan sifat sedemikian sebagai salah satu sifat Muslim yang sederhana.

Setakat ini telah berlaku beberapa insiden yang mana pemimpin dan pendakwah Kristian yang menyampaikan ceramah berkaitan agama Tao dan Buddha yang dinilai sebagai tidak sensitif kerana bersifat mempersenda. Perbuatannya menimbulkan kemarahan penganut agama berkenaan hingga menyebabkan mereka membuat permohonan maaf terbuka.⁴⁴

Adalah menjadi harapan agar tiada asatizah kita yang jatuh dalam kesilapan yang sama.

Kesimpulannya, apabila menangani kemusykilan yang membabitkan fahaman dan amalan agama lain, berilah pertimbangan pada realiti

42 Lihat surah Al-An'am, ayat ke 108.

43 Muhammad Haniff Hassan (2003), *Muslim... Moderat... Warga Singapura*, Singapura: Alkhair Mosque Management Board dan PERDAUS dan versi bahasa Inggeris *Muslim...Moderate...Singaporean* (2003). Lihat di <http://haniff.sg/artikel-panjang/muslim-moderate-warga-singapura/> (8 Disember 2015).

44 “Singapore denounces pastor for ridiculing Buddhists”, *Reuters*, 9 Februari 2010, di <http://uk.reuters.com/article/us-singapore-religion-idUKTRE6180MY20100209> (8 Disember 2015); “Pastor apologises for insensitive comment”, *The Straits Times*, 15 June 2010, di <http://news.asiaone.com/News/AsiaOne+News/Singapore/Story/A1Story20100615-222103.html> (8 Disember 2015).

masyarakat majmuk di Singapura dalam merumuskan jawapan selama mana terdapat sokongan dari nas agama dan sampaikanlah juga dengan pertimbangan pada penjagaan keharmonian antara kaum dan agama.

Beberapa Pertimbangan Lain

Dalam bahagian ini, saya akan berbicara pula beberapa pertimbangan lain bagi situasi-situasi yang lebih khusus.

1. Kemusykilan yang membabitkan kes yang sedang dikendali oleh Mahkamah Syariah, pejabat Pendaftaran Pernikahan Muslim atau mahkamah sivil

Adalah menjadi amalan yang baik bagi asatizah untuk bertanya sama ada kemusykilan yang membabitkan persoalan nikah, cerai, nafkah, penjagaan anak dan faraid adalah kes yang sedang dikendali oleh Mahkamah Syariah atau mahkamah sivil.

Jika kemusykilan itu membabitkan kes yang sedang dikendali oleh insituti-institusi itu, sebaiknya asatizah menguzurkan diri dari menjawabnya kerana adalah lebih utama untuk kemusykilan itu dihuraikan oleh institusi-institusi itu. Hal ini adalah kerana mereka adalah pihak yang sememangnya berwenang untuk memutuskan masalah berkenaan. Kedua, institusi berpeluang untuk mendengar dari kedua belah pihak, mempunyai akses kepada bukti-bukti dan mempunyai banyak masa untuk mempertimbangkan huraiannya, berbanding asatizah yang biasanya hanya dapat mendengar dari satu pihak dengan maklumat yang sangat terhad dan masa memberi jawapan yang terbatas pula. Ketiga, jawapan yang diberi asatizah boleh merumitkan keadaan atau mengganggu proses pengendalian kes, terutama jika jawapan itu bercanggah dengan keputusan, pendirian atau proses rasmi yang ada. Hal ini boleh berlaku apabila asatizah memberi jawapan hanya dari sudut fiqh atau berdasarkan hukum yang terdapat dalam buku teks sahaja yang mungkin berbeza dengan undang-undang atau peraturan yang ada, sebagaimana yang telah dihuraikan sebelum ini.

Pertimbangan ini menjadi lebih penting jika kes berkenaan membabitkan kes di mahkamah kerana memberi komen terhadap kes yang sedang berjalan di mahkamah (*subjudice*) di khalayak ramai boleh menyebabkan asatizah jatuh dalam kesalahan di sisi undang-undang – menghina mahkamah atau mencampuri urusan mahkamah.

Sememangnya isu berkaitan *subjudice* di sisi undang-undang adalah kompleks. Ruang yang ada pula tidak memadai untuk memberi

perinciannya. Tambahan pula, saya bukanlah pihak yang layak menerangkannya.

Apa yang perlu difahami oleh asatizah di sini ialah keperihatinan terhadap perkara yang ditimbulkan dan bersifat berhati-hati apabila berhadapan dengan kemusykilan yang dibicarakan di sini. Asatizah boleh berinisiatif untuk mendapatkan maklumat umum tentang isu *subjudice* dan apakah perkara-perkara yang berkaitan dengannya di sisi undang-undang.

Akhir sekali, pihak-pihak yang terbabit dalam kes-kes di mahkamah selalunya diwakili oleh peguam-peguam. Mereka ini karyawan yang dibayar untuk memberi nasihat kepada pelanggan-pelanggan mereka yang terkait dengan kemusykilan yang ditanya. Sepatutnya, peguam-peguam inilah yang ditanya dan memberi nasihat, jika ada masalah. Adanya peguam-peguam ini juga bermakna, sikap asatizah untuk menguzurkan diri tidaklah akan menjejaskan pihak yang terbabit dalam kemusykilan yang ditanya.

2. Kemusykilan agama yang membabitkan keputusan-keputusan mahkamah

Atas hujah-hujah yang dinyatakan di atas, asatizah juga perlu berhati-hati jika ada petanda bahawa kemusykilan yang ditanya membabitkan keputusan mahkamah kerana ia boleh menyebabkan asatizah jatuh dalam kesalahan menghina mahkamah, jika jawapan yang diberi berbeza dengan keputusan yang ada dan tidak bersifat kritikal pula.

Memang benar komentar yang adil (*fair opinion*) terhadap keputusan mahkamah dibenarkan. Namun berhati-hati adalah lebih baik dalam hal ini. Tambahan pula, pihak yang terbabit mempunyai peluang untuk merayu keputusan yang tidak disenanginya dan terdapat ramai peguam yang bersedia memberi khidmat nasihat secara profesional bagi kemusykilan yang ditanya.

3. Kemusykilan agama dari luar negara

Dalam dunia yang semakin terbuka disebabkan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi, peranan asatizah juga menjadi meluas, tidak terhad pada memenuhi permintaan daripada masyarakat tempatan sahaja.

Saya sendiri pernah diminta menjadi pembimbing agama bagi sekumpulan rakyat Singapura yang telah berhijrah ke negara lain, iaitu kumpulan rantauan.com. Peranan utama saya ialah untuk menjawab apa jua kemusykilan agama dan memberi nasihat-nasihat agama apabila

diperlukan secara talian. Sebahagian daripada jawapan kemusykilan yang terkumpul dalam buku ini daripada saya adalah hasil daripada masalah-masalah yang saya tangani daripada kumpulan ini.

Sebahagian daripada kemusykilan dari luar negara ini, khususnya dari negara-negara Barat, adalah unik. Dalam hal ini, asatizah perlu kembali pada pertimbangan asas yang disebutkan sebelum ini iaitu memberi huraian dan jawapan yang kontekstual – sesuai dengan konteks dan keperluan si penanya.

Sebaiknya apabila berhadapan dengan kemusykilan sebegini, asatizah menasihati si penanya agar merujuk kepada ulama tempatan di tempatnya atau yang berdekatan kerana mereka lebih tahu akan realiti setempat dan kemungkinan besar masalah itu pernah ditangani oleh mereka. Paling tidak pun, asatizah perlu membuat bacaan tentang konteks yang berkaitan dengan kemusykilan itu dan mencari pendapat ulama yang tahu akan realiti di sana atau pernah menangani isu yang sama.

Memberi pandangan berdasarkan ilmu yang kita tahu sahaja bukan hanya boleh menyebabkan kesilapan atau tidak bersesuaian bagi kepentingan si penanya, tapi boleh juga menyalahi amalan setempat atau pendapat ulama setempat. Ini pula boleh menimbulkan masalah tertentu.

Satu contoh masalah unik ialah waktu puasa yang panjang di sesetengah negara di utara Eropah apabila Ramadan jatuh pada musim sejuk. Kadangkala waktu puasa boleh menjangkau hingga 20 jam sehari. Bagi asatizah yang tinggal di Singapura dan tidak tahu akan keadaan di sana, kita pasti akan merasakan masa itu terlalu panjang dan amat memberatkan. Akhirnya kita mungkin condong untuk memberi jawapan mengikut perspektif kita yang terbatas. Sedangkan perkara ini sebenarnya bukan baru bagi umat Islam di sana yang telah wujud sekian lama dan telah ada pun ulama dan masyarakat Islam yang memikirkan isu ini serta mengeluarkan fatwa yang sesuai. Maka dengan menasihati si penanya untuk merujuk kepada otoriti agama di tempat mereka, kita dapat mengelakkan kekeliruan dan mengajar dia untuk mengintegrasikan amalan agamanya dengan amalan setempat kecuali jika jelas mudarat atau kesulitannya.

Begitulah juga dengan pertanyaan berkaitan adat-adat setempat. Dalam konteks hari ini, hampir pasti di setiap pelusuk dunia ada ulama yang mendiami dan membimbing masyarakat setempat. Sebagai orang setempat mereka lebih tahu selok belok keadaan setempat. Maka seharusnya mereka lebih layak untuk menangani persoalan-persoalan unik setempat dari asatizah di Singapura.

Sebagaimana kita berasa bahawa masalah-masalah Singapura sebaiknya dihuraikan oleh asatizah tempatan, perspektif yang sama harus ada apabila kita berhadapan dengan masalah-masalah unik dari negara lain – serahkan pada orang tempatan untuk menghuraikannya.

4. Perihatin pada batas ilmu dan pengkhususan yang ada

Satu realiti yang tidak terelak ialah wujudnya sebahagian ahli masyarakat yang menganggap asatizah ini sebagai penghurai bagi semua masalah agama. Mereka ini akan bertanya kepada asatizah kemusykilan kerana mengenali asatizah itu atau sebab-sebab kemudahan (*convenient*) semata-mata, tanpa ambil kira bidang pengkhususan pendidikan asatizah, seperti syariah, usuluddin, sejarah dan jenis kemusykilannya. Seolah-olah semua isu-isu agama boleh ditangani oleh semua asatizah. Sedangkan hakikatnya, ramai asatizah yang melalui program pendidikan yang menjurus pada pengkhususan tertentu dari bidang pengajian Islam yang amat luas.

Kemusykilan-kemusykilan yang bersifat fardu ain, seperti perkara-perkara yang membabitkan pelaksanaan rukun Islam, memang sepatutnya diketahui oleh semua asatizah yang boleh dikemukakan kepada mereka. Tapi perkara-perkara yang lebih rumit seperti masalah berkaitan sistem kewangan Islam moden, politik dan kenegaraan dan falsafah berkaitan takdir dan ikhtiar manusia.

Sebahagian anggota masyarakat pula menjadikan asatizah bagi mencari huraian bagi semua masalah hidup yang dihadapi, walaupun ia bukan masalah yang membabitkan agama secara khusus, seperti masalah penyakit fizikal dan memajukan perniagaan.

Sesetengah kemusykilan pula yang memerlukan nasihat agama tapi juga perspektif dari bidang ilmu yang lain seperti masalah kenakalan remaja dan hubungan suami isteri yang perlu ditangani juga dari perspektif psikologi dan sosiologi serta kemahiran kaunseling, bukan berceramah semata-mata.

Kesemua ini menuntut kepekaan daripada asatizah untuk tahu batas-batas keilmuan yang ada berdasarkan pengkhususan pendidikan yang dilalui dan kemusykilan yang ada di tangan.

Untuk membuat penilaian, asatizah bukan hanya perlu jujur, tapi juga tawaduk akan kemampuan yang ada.

Tujuannya supaya asatizah tidak bercakap tentang sesuatu yang mana dia bukan ahlinya kerana ini dilarang oleh Allah ta'ala dan Nabi s.a.w.⁴⁵

45 Lihat surah Al-Isra', ayat ke 36. Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud, "Jika amanat telah disia-siakan, tunggu saja kehancuran terjadi." Ada seorang sahabat bertanya; Bagaimana maksud amanat disia-siakan? Nabi menjawab:

Selain itu, ia juga boleh memudaratkan si penanya yang boleh mempunyai akibat buruk juga pada asatizah.

Dalam membicarakan tentang adab memberi fatwa, para ulama dahulu sering mengingatkan akan sifat warak para ulama dahulu untuk memberi fatwa dan menjawab kemusykilan yang dikemukakan kepada mereka. Maka apa yang dibicarakan di sini berkaitan dengan adab yang amat ditekankan ini.

Jika kemusykilan itu bersifat agama tetapi bukan dalam bidang pengkhususan diri, asatizah boleh memilih sama ada membuat bacaan peribadi untuk menjawab kerana sering kali kemusykilan berkenaan telah dijawab oleh pihak lain dan inisiatif ini pula membantu meningkatkan pengetahuan asatizah. Tapi jika ia lebih rumit, asatizah perlu menguzurkan diri dan menasihati si penanya untuk bertanya mana-mana asatizah yang memang mengkhusus dalam bidang yang ditanya.

Jika kemusykilan itu lebih bersifat bukan agama, asatizah perlu memberi nasihat kepada penanya agar pergi mendapatkan nasihat pakar dan tidak bergantung padanya, walaupun ia tidak akan menggembirakan si penanya.

Jika huraian bagi kemusykilan yang ditanya memerlukan perspektif dari bidang-bidang lain selain agama, asatizah perlu menasihati si penanya untuk melihat isu itu dari sudut bidang lain yang berkaitan, dan tidak bergantung pada sudut halal haram atau agama sahaja. Asatizah boleh menunjukkan apakah bidang lain itu dan rujukan-rujukannya. Asatizah juga boleh membuat bacaan peribadi dan berkongsi dapatannya. Jika terlalu rumit pula, asatizah perlu menasihati pihak berkenaan untuk dapatkan nasihat pakar dalam bidang berkaitan seperti psikiatri, doktor perubatan atau terapi khusus.

Kemusykilan yang sebegini biasanya membabitkan masalah psikologi manusia, hubungan antara manusia, seperti hubungan suami-isteri, anak, ibu bapa, antara individu, gejala kemasyarakatan yang tidak boleh hanya ditangani dengan memberi hukum halal dan haram semata-mata.

Dalam dunia akademik hari ini, pendekatan pelbagai disiplin ilmu dalam menangani apa jua masalah adalah sesuatu yang dinilai penting.

Sebagai satu aturan umum, pendekatan yang sama boleh diambil oleh asatizah dalam menangani apa jua kemusykilan yang dihadapi.

Jika kemusykilan yang dihadapi bersifat rumit, membabitkan masalah umum dan memerlukan perspektif kontekstual (fatwa dari luar negeri

Jika urusan diserahkan bukan kepada ahlinya, maka tunggulah kehancuran itu.”
(Riwayat Al-Bukhari)

tidak sesuai) seperti hukum keringanan untuk membuka aurat bagi anak angkat dan hukum terhadap insurans *Medishield* Hayat, sebaiknya asatizah menasihatkan pihak yang bertanya untuk mengemukakan kemusykilan itu kepada Jawatankuasa Fatwa Muis.

Hal ini kerana Jawatankuasa Fatwa mempunyai keupayaan yang lebih baik untuk mengkaji dan menilai isu dengan mendalam. Maslahat umum pada kemusykilan itu pula menjadikan Jawatankuasa Fatwa sebagai pihak yang lebih berwenang untuk menetapkan hukum. Walaupun fatwa Jawatankuasa Fatwa tidak mengikat, tapi ia lebih mempunyai otoriti dalam isu besar dan umum seperti ini daripada pandangan peribadi seorang ustaz.

Menganalisa Masalah

Sebelum ini, saya pernah menulis satu artikel mengenai proses menganalisa masalah untuk mencerna hukum atau mencari bagi masalah itu huraian sesuai mengikut tradisi ilmu fiqh Islam. Artikel ini diterbitkan oleh *Berita Harian* (12 April 2012) dengan tajuk “Agar Keputusan Berpandu Syariah.”⁴⁶

Oleh kerana menganalisa masalah dan membuat keputusan tentang hukum atau huraian mengenainya adalah satu aspek yang tidak dapat dielak oleh asatizah apabila menangani kemusykilan agama, saya berpendapat eloklah kalau isi artikel itu disertakan semula di sini. Maka segala kandungan yang di bawah dalam bahagian ini adalah daripada artikel itu dengan sedikit suntingan untuk tujuan penyesuaian.

Apabila berhadapan dengan kemusykilan, asatizah pasti perlu membuat keputusan dan pilihan sesuai dengan tuntutan agama.

Persoalannya ialah bagaimana perkara ini dapat dicapai? Apakah tahap-tahap analisa yang perlu dilakukan?

Panduan di bawah berbentuk soalan-soalan penting yang perlu ditanyakan sebelum sesuatu kesimpulan dapat diambil. Pastinya, ia bukan satu-satunya kerangka yang ada atau boleh diguna pakai. Oleh itu, tidak perlu menggunakannya secara *jumud* (tidak anjal), tapi hanya untuk dijadikan kerangka berfikir sahaja.

Soalan pertama yang perlu ditanyakan ialah, apakah hukum syariah dalam masalah ini? Soalan ini seharusnya menatijahkan salah satu dari

46 Untuk baca atau muat turun, sila ke <http://haniff.sg/artikel-pendek/artikel-agar-keputusan-berpandu-syariah-berita-harian-singapura-12-april-2012/> (8 Disember 2015).

lima hukum i.e. halal yang wajib, halal yang harus, halal yang sunat, halal yang makruh atau haram.

Ini adalah soalan yang asas, tapi bukan satu-satunya soalan yang menjadi dasar mengambil keputusan. Adakala apabila berhadapan dengan sesuatu masalah/isu, kita akan berpada dengan jawapan bagi soalan ini dan tidak melakukan analisa lanjut. Sikap seperti ini boleh menjurus pada kesilapan kerana jawapan yang diperolehi mungkin bukanlah yang terbaik disebabkan banyak faktor-faktor lain yang tidak diambil kira.

Untuk ambil kira faktor-faktor lain atau membuat analisa yang lebih komprehensif, soalan selanjutnya perlu ditanya dan jawab. Soalan ini ialah adakah ada kemampuan untuk laksanakan tuntutan hukum ini, atau adakah hukum ini menepati dengan konteks penanya kemusykilan berkenaan?

Untuk menjawab soalan ini, kita perlu menilai sama ada dirinya memenuhi segala rukun dan syarat bagi memenuhi hukum itu. Selain itu, kita perlu juga menganalisa sama ada terdapat faktor-faktor syariah yang mengecualikan diri pihak yang terkait dalam kemusykilan dari hukum berkenaan. Sebagai contoh seseorang itu mungkin memenuhi segala rukun dan syarat yang mewajibkan ia melakukan puasa Ramadan tetapi oleh kerana dia sedang bermusafir dan syariah mengakui status musafir sebagai pengecuali bagi kewajipan berkenaan, maka puasa sudahlah tidak wajib lagi baginya.

Soalan ketiga dan seterusnya yang perlu ditanya dan dianalisa ialah, apakah natijah kebaikan dan mudarat dari pelaksanaan hukum berkenaan?

Soalan ini memerlukan pula pertimbangan kebaikan (maslahat) dan mudarat pula sebagaimana yang diajarkan dalam ilmu fiqh. Hal ini adalah kerana walaupun sesuatu hukum mungkin telah ditetapkan oleh syariah tetapi dalam situasi tertentu pelaksanaannya mungkin akan menatijahkan mudarat yang atau bercanggah dengan maslahat yang lebih besar yang membolehkan hukum berlawanan diamalkan.

Dalam hal ini, kita diperingatkan bahawa syariah membenarkan sesuatu kewajipan ditinggalkan sekiranya ia akan menatijahkan mudarat atau hilangnya maslahat yang lebih besar/penting. Demikianlah juga, dibenarkan melakukan sesuatu yang dilarang jika terdapat maslahat atau bagi elak mudarat yang lebih besar/utama.

Seterusnya ialah untuk melakukan analisa keutamaan dengan bertanya dan menjawab soalan, apakah melakukan perkara ini merupakan satu keutamaan di sisi syariah?

Hal ini bertolak dari satu premis bahawa setiap seorang memikul

pelbagai beban dan kewajipan. Dalam keadaan tertentu, kewajipan-kewajipan ini mungkin saling bercanggah dan ini memerlukan kita membuat pilihan apa yang lebih utama dari yang lain.

Jika analisa keutamaan tidak dilakukan dan ambil kira, huraian yang diambil bagi kemusykilan yang ditanya mungkin akan menyalahi keutamaan orang yang terbabit di sisi syariah yang boleh menatijahkan kesan sampingan negatif dan terlepas dari keredhaan Tuhan pula.

Langkah terakhir ialah untuk bertanya adakah ada pilihan lain yang sejajar dengan syariah yang lebih baik dari apa yang dipertimbangkan kerana ia kurang mudarat atau lebih banyak masalah.

Ini berdasarkan pada premis bahawa di sana terdapat banyak cara dan huraian di sisi syariah bagi mencapai sesuatu objektif. Oleh itu, tidak perlu bersifat jumud dengan sesuatu huraian atau cara sahaja, walaupun jika ianya dibenarkan syariah.

Bagi memudahkan lagi kefahaman akan proses dan langkah-langkah yang dicadangkan, kami sertakan satu carta dan contoh kemusykilan (Carta 1) yang hendak dianalisa.

Penutup

Artikel ini dimulakan dengan pernyataan bahawa ia tidak menawarkan pertimbangan-pertimbangan yang komprehensif atau satu teori mengenai cara menangani kemusykilan agama oleh asatizah dalam konteks Singapura.

Apa yang diharapkan ialah ia meningkatkan kesedaran akan wujudkan aspek-aspek kontekstual berkaitan Singapura yang perlu diberi perhatian oleh asatizah dalam menangani kemusykilan agama. Diharapkan juga ia menyumbang pada proses yang lebih sistematik dan menjauhi sikap ambil mudah terhadap kemusykilan agama yang kadangkala bersifat “biasa-biasa” dan juga disebabkan ia menjadi rutin harian. Lebih baik lagi, jika artikel ini dapat menjadi pemangkin pada usaha-usaha lain yang menjurus pada pembangunan fiqh kontemporari dan kaedah hukumnya yang bersifat kesingapuraan.

Di permulaan, saya nyatakan sasaran utama artikel ini ialah asatizah yang setiap hari harus menangani kemusykilan agama. Namun, isi artikel ini juga bermanfaat bagi orang awam yang berhadapan dengan masalah atau kemusykilan agamanya dan berusaha secara peribadi untuk mencari huraiannya.

Isi artikel ini juga boleh memandu orang awam tentang pertimbangan-pertimbangan yang perlu mereka fikirkan apabila berusaha menghuraikan

kemusykilan agama mereka. Kadangkala terdapat pelbagai jawapan atau huraian bagi sesuatu kemusykilan, pertimbangan-pertimbangan yang dinyatakan boleh dijadikan panduan untuk memilih jawapan dan huraian yang mana satu lebih tepat dan sesuai, jika semuanya mempunyai hujah-hujah agama yang betul. Ia juga boleh dijadikan asas untuk berfikir secara kritikal, apabila seseorang itu mendapat jawapan bagi kemusykilan agamanya. Ertinya, manfaat artikel ini tidak terhad untuk asatizah sahaja.

Akhir kata, semoga Allah ta'ala meredhai usaha kecil ini dan memberi keampunan bagi kekurangan yang ada padanya.

**CARTA & CONTOH
KEMUSYKILAN**

Ahmad ingin berumah tangga dengan Fatimah. Namun, keinginannya mendapat tentangan daripada ibu bapa Fatimah.

Setelah masalahnya dibawa ke Pendaftar Pernikahan Orang-orang Islam, pihak Kadi memutuskan bahawa ibu bapa Fatimah tidak mempunyai alasan yang kukuh di sisi syariah dan beliau boleh meneruskan keinginannya dengan bernikah secara wali hakim.

Bagaimanakah asatizah/beliau menganalisa masalah ini bagi mendapatkan huraian yang baik dengan mengikut kerangka yang dicadangkan?

